

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEMBILAN  
Penggali Yang Pertama  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Adam bin Kadir, D.I.M.P.  
(Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Abdul Rashid bin Ismail, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Abdul Salam bin Awang, A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Michael Bong Thiam Joon, A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Frankie Chong Yu Chee, A.D.K. (Sabah)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Tuan Eng Hoi Choo (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong, P.J.K. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, A.B.S. (Sarawak)

- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafain, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Tuan Isli bin Haji Siput (Dilantik - Wilayah Persekutuan Labuan)
- “ Tuan Itam Wali bin Nawan, P.P.N. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad, A.M.N., A.N.S., P.M.C., P.J.K., J.C. (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Datuk Johan B.O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kalthom binti Haji Othman (Kelantan)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Kelsom binti Yaacub, A.M.P., P.J.K. (Pahang)
- “ Puan Kian Sit Har, P.J.K., A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)

- “ Datuk Maidom P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadesan, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)
- “ Puan Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud (Kelantan)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin (Dilantik)
- “ Tuan Ng See Tiong, A.M.N., P.I.S., P.K. (Johor)
- “ Dr. Ng Yen Yen, P.J.K. (Pahang)
- “ Tuan Haji Othman bin Yunos, K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N.(Dilantik)
- “ Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)
- “ Tuan Rahim bin Baba, A.M.P. (Dilantik)
- “ Tuan Saad bin Haji Man (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato’ Soong Siew Hoong, S.M.S., K.M.N., D.P.M.S., J.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Tan Son Lee (Kedah)

- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S.,  
.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K.,  
A.M.S.(Dilantik)
- “ Tuan Haji Zainal bin Md. Deros, S.S.A., P.J.K., J.P. (Selangor)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,  
B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin (Dilantik)
- “ Tuan M. Zeevill @ Sharmugam a/l R.M.S. Mutaya (Selangor)

## **DEWAN NEGARA**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara:

Haji Mohamed Salleh bin Abu Bakar,  
K.M.N.

Ketua Penolong Setiausaha: Said bin Sidik  
Ketua Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab  
Penolong Setiausaha Kanan: Zamani bin Haji Sulaiman

**CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah  
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,  
P.P.N.  
Haji Suhor bin Husin

**PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN**

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof  
Hajah Supiah binti Dewak  
Hajah Kalsom binti Ghazali  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Zaharah binti Naim  
Norwahidah binti Azizi  
Rozita binti Abd. Samad  
Jainah binti Sakimin  
Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop  
Shamsina binti Janor

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Selasa, 19hb. Disember, 1995**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**JABATAN PEMBANGUNAN PERSEKUTUAN -  
BANTUAN KEPADA PENIAGA DI KELANTAN**

1. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan rakyat Kelantan yang cintakan pembangunan dan terlibat dalam perniagaan perlu diberi pendedahan yang luas oleh Kerajaan Pusat melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan supaya mereka dapat peluang terbuka dengan Kerajaan Pusat dan dengan demikian rakyat dapat menilai keuntungan tentang sokongan mereka terhadap Kerajaan Pusat. Dalam konteks ini, tidakkah patut Jabatan Pembangunan Persekutuan berperanan seperti tersebut di atas dengan cara terbuka.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan amnya dan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK) khasnya memang sedar dan prihatin kepada keperluan rakyat Kelantan untuk mendapat peluang-peluang perniagaan dan lain-lain sepertimana juga rakyat daripada lain-lain negeri di Malaysia. JPPK sememangnya memberi keutamaan untuk membangunkan usahawan-usahawan tempatan Kelantan dan memberi keutamaan kepada mereka yang dikenal pasti untuk diberi latihan dan

bimbingan agar peluang-peluang mereka untuk berjaya di dalam dunia perniagaan, pemborongan dan lain-lain akan mendapat kejayaan.

Sehingga kini seramai 24 kontraktor berwibawa telah dilatih dan seramai 38 lagi kontraktor berpotensi telah juga dilatih dan diberi kerja-kerja kontrak binaan. JPPK akan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi bilangan mereka yang boleh dimajukan di pelbagai bidang, bukan sahaja bidang kontrak-kontrak kerja tetapi juga di lain-lain bidang seperti bekalan, perkhidmatan dan lain-lainnya. JPPK sentiasa bergabung rapat dengan agensi-agensi seperti MARA, Giat MARA Sdn. Bhd., Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan juga Kementerian Pembangunan Usahawan untuk menjamin kejayaan program ini.

Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam, Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan RM1.5 bilion untuk 1,480 projek pembangunan yang rata-ratanya dilaksanakan oleh rakyat Kelantan atau gandingan kontraktor luar Kelantan dengan subkontraktor Kelantan.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Jabatan Perdana Menteri, bagaimanakah perhubungan dan sambutan daripada Kerajaan Negeri Kelantan dengan agensi Jabatan Pembangunan Persekutuan di Negeri Kelantan ini?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Kelantan diperintah oleh kerajaan yang berlainan dengan Kerajaan Persekutuan, maka kita tidak dapat menafikan bahawa ada sedikit kesukaran di

dalam melaksanakan berbagai-bagai projek di negeri Kelantan dan juga kesukaran yang dihadapi oleh pegawai-pegawai Persekutuan menjalankan tugas di Kelantan.

Contohnya banyak, sama ada projek itu sebelum ataupun selepas. Bagi projek-projek yang sebelum misalnya, pihak pentadbiran Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek di sana, kadangkala oleh kerana tanah itu di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri, maka pihak Kerajaan Persekutuan sukar untuk mendapatkan tapak pembangunan di sana.

Begitu juga harapan Kerajaan Persekutuan supaya Kerajaan Kelantan menjalankan sesuatu projek itu dengan lebih teliti, tetapi perancangan di sana tidak menunjukkan ketelitian mereka sehinggakan Kerajaan Persekutuan juga tergendala bagi menjalankan kerja-kerja mereka. Malah pengurusan kewangan dan teknikal di Negeri Kelantan juga tidak begitu teratur, jadi kadangkala menyukarkan kita.

Di samping itu, bukan sahaja projek yang kita hendak laksanakan mendapat kesukaran bahkan di antara projek-projek dan bangunan-bangunan yang ada yang Kerajaan Persekutuan telah memberi bantuan kepada mereka supaya keadaannya berjalan dengan baik, tetapi Kerajaan Kelantan mengambil alih daripada Kerajaan Persekutuan. Walaupun keikhlasan Kerajaan Persekutuan telah tunjukkan kepada Kerajaan Kelantan yang kita benar-benar untuk membantu mereka, tetapi kita tidak faham mengapa pihak Kerajaan

Kelantan menarik balik ataupun mengambil alih berbagai-bagai projek yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan.

Jadi, kalau kita melihat daripada gambaran yang saya nyatakan ini, sudah barang tentu menunjukkan satu kesukaran untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi menjalankan beberapa projek di negeri Kelantan.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Kerajaan Pusat menghadapi masalah di negeri Kelantan dan masalah telah dikenal pasti sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi. Jadi, saya hendak bertanya adakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk menyerahkan segala peruntukan Kerajaan Pusat untuk melaksanakan projek Negeri Kelantan sebagaimana yang diamalkan oleh Kerajaan Pusat di negeri-negeri lain. Dengan erti kata, tidakkah kerajaan bercadang untuk menghapuskan Jabatan Pembangunan Persekutuan yang wujud di negeri Kelantan sekarang ini?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita melihat keadaan yang tidak begitu sempurna dalam pelbagai bidang dalam melaksanakan projek, banyak projek yang tidak mampu dijalankan oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Sebab itulah Kerajaan Persekutuan mengadakan JPPK sendiri bagi membantu pembangunan di Kelantan demi kepentingan rakyat di Kelantan.

Yang kedua, memang kadangkala kedapatan peruntukan yang sebenar yang kita hendak berikan dalam pembangunan Kelantan apabila Kerajaan

Kelantan ataupun mana-mana kerajaan merasakan keperluan peruntukan itu digunakan secara lain, mereka akan menggunakan peruntukan ini daripada Kerajaan Persekutuan perkara yang tidak dirancangkan dari awal. Sebab itulah, dalam usaha kita untuk mengatasi perkara ini, dan untuk memenuhi hasrat rakyat Kelantan supaya mereka mendapat pembangunan yang sama, maka Kerajaan Persekutuan telah mengambil ketetapan supaya peruntukan Kerajaan Persekutuan seboleh-bolehnya dikelolakan oleh Kerajaan Persekutuan supaya peruntukan itu benar-benar digunakan mengikut sasaran yang dikehendaki.

Di sini saya ingin juga memaklumkan bahawa dengan sebab Kerajaan Persekutuan masuk campur inilah banyak di antara projek-projek itu telah dijalankan dengan baik atas kelolaan Kerajaan Persekutuan. Saya juga ingin menyatakan bahawa peruntukan yang kita berikan dalam Rancangan Malaysia Keenam ini kepada Kerajaan Kelantan adalah di antara peruntukan yang besar kalau dibandingkan dengan Negeri Perlis misalnya atau dengan Negeri Sembilan misalnya, maka Kelantan itu mendapat peruntukan yang lebih besar daripada negeri-negeri yang saya sebutkan tadi dalam Rancangan Malaysia Keenam. Inilah prihatinnya Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Kelantan.

### **TUDM - KEMALANGAN UDARA**

2. **Puan Mastika Junaidah binti Husin** minta Menteri Pertahanan menyatakan:-

- (a) sejak Tentera Udara Diraja ditubuhkan, berapakah kemalangan udara yang melibatkan kapal terbang tentera telah berlaku;

- (b) berapa orang juruterbangkah yang terlibat dengan kemalangan tersebut. Berapa orangkah yang telah meninggal dunia akibat kemalangan, yang cedera dan yang terselamat;
- (c) berapakah kerugian yang ditanggung oleh kerajaan yang bersabit dengan kemalangan tersebut; dan
- (d) apakah langkah kerajaan mengatasi masalah tersebut agar tidak berulang dan apakah sumbangan kerajaan kepada balu atau waris mereka.

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che**

**Wan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi pertanyaan,

- (a) Sejak TUDM ditubuhkan terdapat 99 kemalangan udara yang melibatkan kapal terbang TUDM.
- (b) Jumlah juruterbang yang terlibat di dalam kemalangan udara berkenaan adalah seramai 169 orang, di mana seramai 68 orang telah terkorban dan seramai 101 pula yang telah tercedera ataupun terselamat.
- (c) Jumlah kerugian yang ditanggung oleh kerajaan adalah sebanyak RM308,111.13.
- (d) Dari setiap kemalangan, kajian mengenai sebab-sebab kemalangan telah dibuat dengan teliti dan tindakan telah diambil bagi mengatasi setiap kelemahan supaya kemalangan sedemikian tidak berulang. Antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh TUDM ialah

dengan meningkatkan dan mempergiatkan lagi latihan, sebagai contohnya dengan menghantar para juruterbang menjalani latihan, dengan izin, 'simulator' yang dilaksanakan di luar negara.

Melalui simulator, juruterbang-juruterbang dapat didedahkan kepada situasi-situasi kecemasan, ataupun 'emergency' yang tidak dapat dilakukan secara praktikal dengan menggunakan pesawat sebenar.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehingga hari ini, berapa ramaikah juruterbang tentera yang berlesen penerbangan dan sejauh manakah program latihan telah diberi kepada mereka?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah juruterbang yang berlesen tidak ada angka pada ketika ini. Program latihan itu dibuat setaraf dengan lain-lain program latihan yang dilaksanakan oleh negara-negara lain. Kita puas hati bahawasanya program yang dibuat dan dilaksanakan oleh TUDM negara kita tidak kurang hebatnya dan setanding dengan lain-lain pusat latihan juruterbang di mana-mana negara dalam dunia ini.

**Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan kemalangan ini selalunya berlaku disebabkan human error dan technical error. Jadi, saya hendak bertanya berapakah kemalangan yang tertera tadi disebabkan oleh kesilapan kapal terbang yang kita

beli, dan apa jenis kapal terbang yang kita beli dan daripada mana kapal terbang itu kita beli?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pecahan peratusan tentang sebab-sebab wujudnya kemalangan itu, kita tidak ada matlamat yang tepat. Tetapi saya boleh menyatakan di sini bahawasanya lebih 50% disebabkan oleh human error. Jumlah disebabkan oleh teknikal itu tidak ada pada saya, dan saya akan berikan kepada Yang Berhormat melalui jawapan bertulis.

**Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kemalangan ini memang kita ketahui walaupun technical error, ia telah ditentukan oleh Allah S.W.T. Tetapi apakah pengorbanan yang diberi oleh pihak tentera ataupun pihak kerajaan kepada balu-balu yang tinggal. Berapakah imbuhan yang kita beri?

**Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, dari segi imbuhan, kalau diizinkan saya akan baca agak panjang juga.

- (i) Pencen Terbitan kepada balu sebanyak RM213.90 dan kepada ibu RM71.30
- (ii) Pencen Orang Tanggungan sebanyak RM475.33 kepada balu, dan kepada ibunya RM178.25,
- (iii) Ganjaran Terbitan kepada balu RM6,417.00 dan kepada ibu RM2,139.

- (iv) Tabung Perwira Negara diberikan kepada balu sebanyak RM15,000.
- (v) Bayaran *ex-gratia* sebanyak RM38,502 kepada balu dan kepada ibunya RM12,834.00;
- (vi) bayaran pengkebumian sebanyak RM1,000;
- (vii) derma kerajaan negeri RM5,000 kepada balu, tidak ada kepada ibu;
- (viii) derma Tabung Kebajikan TUDM sebanyak RM500 kepada balu;
- (ix) sumbangan mess wira ANGKASA sebanyak RM1,000 kepada balu; dan
- (x) Skim Insurans Kelompok untuk tiap-tiap unit sebanyak RM20,000.

Jumlahnya lebih kurang ataupun RM87,416 kepada balu, dan RM14,676 kepada ibu.

### **LONGKANG/PARIT - PROGRAM PEMBERSIHAN**

3. **Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) apakah status program pembersihan longkang yang dimulakan oleh kementerian beliau;
- (b) berapa banyak pihak berkuasa tempatan yang masih belum menjalankan program seperti menunjukkan gambar 'sebelum-selepas' kepada kementerian beliau; dan

- (c) apakah yang telah dilakukan oleh kementerian beliau bagi memastikan semua pihak berkuasa tempatan telah menjalankan projek mereka.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter**

**Chin Fah Kui:]** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

bagi menjawab soalan bahagian,

- (a) penyelenggaraan dan pembersihan parit dan longkang di seluruh kawasan pihak berkuasa tempatan di negara ini telah dimulakan pada bulan Ogos 1994 selepas pihak Kementerian Kewangan meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengagihkan kepada pihak berkuasa tempatan tersebut. Semenjak itu, program penyelenggaraan parit/longkang telah berjalan dengan secara memuaskan, berasaskan kepada laporan bulanan, prestasi perbelanjaan projek dan laporan bulanan bergambar, pembersihan parit/longkang yang dikemukakan oleh pihak berkuasa tempatan kepada kementerian setiap bulan.
- (b) Semenjak bulan Januari 1995 sehingga 30hb. November 1995 ini terdapat sejumlah empat pihak berkuasa tempatan masih belum mengemukakan

laporan bulanan bergambar pembersihan parit/longkang kepada kementerian.

- (c) Semenjak pelaksanaan program ini, pihak kementerian telah mewajibkan bahawa semua pihak berkuasa tempatan mengemukakan laporan bulanan prestasi perbelanjaan bagi setiap projek penyelenggaraan yang telah dijalankan dan laporan bulanan bergambar pembersihan parit/longkang kepada kementerian. Kerajaan-kerajaan negeri telah juga diminta mengawasi pelaksanaan program ini di pihak berkuasa tempatan masing-masing.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah pihak kementerian telah menjalankan kajian yang teliti terhadap parit dan longkang yang telah dicemarkan oleh kilang-kilang dan adakah kolam oxidation dimestikan di setiap kawasan perindustrian, jika ya, bagaimana keadaan, jika tidak, mengapa tidak?

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kajian memang sedang dijalankan bagi pihak-pihak berkuasa tempatan kerana bagi setiap pihak berkuasa tempatan, mereka yang tahu sejauh manakah masalah parit dan longkang yang tersumbat itu dan sejauh manakah ada banjir kilat berlaku di dalam kawasan mereka. Untuk itulah, kementerian sedang memberi bantuan kepada mereka melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa supaya parit-parit

ini boleh dirancang dengan lebih berkesan dan mengelakkan masalah-masalah yang sedang berlaku sekarang.

Bagi kawasan kilang ini, memang kita haraplah pihak berkuasa tempatan dapat menyelenggarakan masalah-masalah yang tertentu di dalam kawasan-kawasan kilang itu dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi setiap kawasan kilang itu memang perlu ada 'oxidation pond' supaya pencemaran dan lain-lain bahan kotoran atau pencemaran boleh di'treated', dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dicetuskan.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Disenggarakan dengan baik. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi, jawapannya ia dan tidak sekali, tak banyak jawabnya.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagaimanakah sambutan bagi pihak Kerajaan Kelantan, kalau ianya tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan Persekutuan terhadap Kerajaan Kelantan.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa dalam maklumat yang kita terima, Kerajaan Kelantan ada dua majlis pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Daerah Kuala Kerai Selatan dan Majlis Daerah Machang yang tidak ada sebarang laporan. Kementerian saya akan memberikan mereka notis supaya mereka akan menghantarkan laporan tersebut. Mereka perlu bertindak dengan baik, dengan lain-lain pihak majlis berkuasa tempatan.

**HARGA UBAT-UBATAN - KAWALAN KENAIKAN**

4. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa harga ubat-ubatan dilaporkan telah naik dengan tingginya, jika ya, apakah tiada rancangan pihak kementerian untuk mewujudkan suatu akta di mana para pesakit terutama yang memerlukan ubat dari klinik swasta untuk membuat pilihan sama ada untuk terus mendapatkan ubat dari klinik tersebut ataupun membuat pilihan untuk membelinya di mana-mana kedai farmasi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.**

**Mahalingam]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah mengkaji laporan tentang kenaikan harga ubat dan mendapati laporan-laporan itu adalah kurang tepat. Apa yang dilaporkan adalah kes-kes berasingan di mana hospital-hospital swasta mengenakan harga yang tinggi bagi ubat-ubatan suntikan narkotik.

Kementerian Kesihatan belum mengenakan kawalan khas terhadap harga ubat-ubatan. Ini tidak bermakna Kementerian Kesihatan tidak prihatin dan tidak sensitif terhadap implikasi harga ubat-ubatan yang tinggi kepada rakyat.

Kementerian Kesihatan sentiasa mengawasi harga ubat-ubatan di pasaran. Sekiranya harga ubat-ubatan didapati tinggi, kementerian ini akan berbincang dengan pertubuhan-pertubuhan daripada industri dan perdagangan farmaseutikal di dalam sesi-sesi dialog yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan. Melalui sesi dialog sedemikian, tindakan untuk menstabilkan harga ubat-ubatan boleh dilaksanakan tanpa menjadikan ubat-ubatan sebagai barangan kawalan harga.

Walau bagaimanapun, ada ketikanya harga ubat-ubatan yang diimport terutamanya ubat yang dipatent (patented drug), dengan izin, meningkat akibat

pergolongan dalam pertukaran wang asing dan faktor-faktor global line. Perkara ini adalah di luar kawalan Kementerian Kesihatan.

Untuk menjadikan Malaysia kurang bergantung kepada ubat farmaseutikal yang diimport, kementerian ini sentiasa berusaha menggalakkan perkembangan perdagangan dan perindustrian farmaseutikal tempatan. Kementerian ini berpendapat bahawa harga ubat-ubatan akan sendirinya terkawal dan stabil melalui persaingan yang sihat di dalam sektor farmaseutikal yang telah berkembang.

Berkenaan dengan bekalan ubat oleh klinik swasta, undang-undang sedia ada, tidak menghalang pesakit-pesakit meminta preskripsi dari doktor di klinik swasta supaya mereka boleh membeli ubat-ubatan dari mana-mana kedai farmasi. Doktor-doktor berkenaan harus mengeluarkan preskripsi atas permintaan dan hanya mengenakan bayaran perundingan sahaja.

**Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah status program sekarang dari kementerian untuk memeriksa kedai ubat yang menjual ubat yang bukan OTC seperti antibiotik dan steroid. Dan juga adakah kementerian sedar ada berapa kedai farmasi yang ada memberi rawatan kepada pesakit-pesakit dan memberi prescription juga. Jika tidak, bilakah program ini akan berjalan?

**Dato. M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, memang ubat-ubat di dalam jadual control drugs memang ada inspection aspek dan soalan yang kedua, saya minta notis dari Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kerajaan kini sedang bergiat untuk hendak meningkatkan hasil pengeluaran ubat-ubat dari negara kita Malaysia, setakat ini adakah kerajaan bercadang untuk hendak menggalakkan pengeluaran ubat seperti Tongkat Ali yang akan bersaing dengan ginseng ataupun ramuan-ramuan seperti yang terdapat di dalam hutan belantara kita yang saya difahamkan lebih kurang 8,500 spesis di mana di antara spesis-spesis ini boleh digunakan untuk hendak dijual ke peringkat antarabangsa sekiranya galakan itu dapat diteruskan dengan baik.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi ialah ubat-ubat tradisional, saya fikir mereka boleh growth seperti ubat-ubat itu kita tidak ada halangan, kalau boleh ikut dengan Poison Act, kita tiada halangan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mengikut dengan memuaskan?

**Dato' M. Mahalingam:** Poison Act (Akta Racun).

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati penjualan ubat batuk, satu ketika menjadi masalah di mana ada mereka yang ketagihan telah pun membeli ubat-ubat batuk ini daripada kedai-kedai dan juga klinik-klinik swasta. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, bagaimanakah kedudukan keadaan ini pada masa ini, adakah ia terkawal dan adakah penjualan ubat batuk ini ada akta yang

dapat mengawal keadaan di mana mereka yang membeli bukan untuk menyembuhkan penyakit tetapi oleh kerana ketagihan.

**Dato' M. Mahalingam:** Tuan Yang di-Pertua, ubat-ubat batuk itu saya fikir ialah codein. Kalau codein yang digunakan, itu yang kita haramkan dua hari yang lalu dan tidak boleh dijual di kaunter-kaunter.

#### **AKTA PENGAMBILAN TANAH (PINDAAN) - HAK PEMILIK MENCABAR DI MAHKAMAH**

**5. Tuan Abdul Rashid bin Ismail** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan apakah kementerian beliau akan memasukkan dalam pindaan Akta Pengambilan Tanah yang ditangguh dengan memberi hak kepada pemilik untuk mencabar kerajaan di mahkamah jika tanah mereka diambil oleh kerajaan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, di bawah Seksyen 37(1) Akta Pengambilan Tanah 1960, mana-mana orang yang berkepentingan yang tanahnya diambil boleh membuat bantahan mengenai perkara-perkara berikut:

- (i) berkenaan dengan ukuran tanah yang diambil;
- (ii) jumlah pampasan yang diterima;
- (iii) kepada siapa pampasan itu sepatutnya dibayar;
- (iv) pengumpulan pampasan, ataupun dengan izin, apportionment.

Dengan peruntukan yang sedia ada ini, kementerian berpendapat bahawa sebarang pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah 1960 berhubung dengan

memberi hak kepada tuan punya tanah untuk mencabar kerajaan di mahkamah tidak lagi diperlukan.

**Tuan Rahim bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyedari bahawa kebanyakan rungutan orang ramai ialah bukannya soal pengambilan tanah untuk projek-projek pembangunan kerajaan, tetapi rungutan orang ramai ialah adanya kerajaan-kerajaan negeri yang mengambil tanah orang ramai dan selepas itu menjualkannya kepada pihak swasta dengan keuntungan yang berlipat kali ganda. Jadi, adakah pihak kementerian akan membuat peruntukan supaya apabila rang undang-undang ini dipinda kelak, keuntungan daripada penjualan tanah itu diberikan kepada tuan asal tanah tadi?

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian dan kerajaan pusat memang menyedari bahawasanya ada beberapa kerajaan negeri yang menggunakan seksyen 3 (b) Akta Pengambilan Tanah iaitu menggunakan kuasa negeri mengambil tanah untuk apa juga keperluan asalkan ianya berkaitan dengan ekonomi dan di atas kesedaran ini kerajaan telah membuat keputusan untuk meminda sekali lagi Akta Pengambilan Tanah dengan mengenakan syarat-syarat yang ketat kepada pemaju-pemaju yang berpotensi yang bercadang untuk mengambil sesuatu tanah orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini akan dilakukan dalam bulan April nanti dan tujuannya adalah untuk memberi keadilan yang setimpal dengan janji-janji kita sebagai kerajaan yang bertanggungjawab dan oleh itu kerajaan

memberi jaminan bahawasanya setelah pindaan dilakukan rakyat sudah tentunya akan berpuas hati.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah dengan pindaan kepada seksyen 3 itu, ini akan bermakna bahawa tindakan kerajaan dalam pengambilan balik tanah secara paksa akan membolehkan pihak yang tanahnya akan diambil atau diambil secara paksa itu boleh mencabar pengambilan balik tanah itu jika sekiranya pengambilan balik tanah itu tidak merupakan pengambilan yang adil dan memberi kepentingan awam.

**Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Perlembagaan Persekutuan apabila kerajaan hendak mengambil mana-mana tanah yang dimiliki oleh orang perseorangan, kerajaan harus malahan wajib memberi imbuhan ataupun ganti rugi yang setimpal dengan harga pasaran. Tetapi biasanya pengambilan tanah dilakukan bermatlamat untuk kegunaan awam ataupun for public purpose or public use, dengan izin. Tetapi apabila kita pinda Akta ini tempoh hari bagi membolehkan kerajaan negeri mengambil tanah, walaupun dengan tujuan ekonomi, sepertimana yang saya nyatakan tadi, memang ada kerajaan negeri yang mengambil tanah sedemikian rupa tetapi pindaan yang kita cadangkan bukan sahaja pindaan kepada seksyen 3, malahan beberapa seksyen lagi, sepertimana yang saya katakan tadi akan memberi jaminan bahawasanya apa juga tanah yang akan diambil untuk matlamat ekonomi, pemaju yang berkehendakkan tanah itu

diambil, mungkin melalui kerajaan-kerajaan negeri ataupun agensi-agensi negeri, dikenakan memberi keutamaan kepada pemilik tanah untuk berkongsi sama di dalam pembangunan itu.

Sekiranya tuan tanah tidak memerlukannya, maka pemaju yang berkehendakkan tanah itu mestilah membuat penilaian tanah itu terlebih dahulu dan penilaian itu dilakukan oleh penilai-penilai kerajaan dan meletakkan cengkeram ataupun deposit, dengan izin, berjumlah lebih daripada 100% daripada nilai tanah dan ini tidak memungkinkan tanah itu diambil dengan berleluasa dan dengan kehendak hati sesiapa juga.

#### **LAKONAN/ADIGAN SOLAT TAYANGAN RTM/TV3 - PANDANGAN SYARAK**

**6. Tuan Hanipah bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah keprihatinan oleh pihak kerajaan mengikut pandangan syarak di atas teguran tokoh ugama supaya adegan solat, kahwin, upacara akad nikah, kematian dan tanah perkuburan yang dilakukan di RTM dan TV3 dihentikan tayangannya.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang dibangkitkan oleh tokoh agama yang dimaksudkan itu iaitu melakonkan amalan-amalan agama seperti solat, membaca talqin adalah haram, adalah pandangan beliau secara peribadi dan ia bukanlah dari ijmak ulama' atau dari mana-mana fatwa rasmi. Oleh yang demikian, satu kajian akan dibuat bagi membolehkan satu ketentuan hukum dibuat oleh jawatankuasa fatwa. Sehingga ketetapan hukum atau fatwa itu dikeluarkan, amalan yang ada sekarang tidak patut dihalang

kecuali jika ia jelas menghina atau mencemar agama Islam atau boleh mengelirukan masyarakat terhadap ibadah-ibadah dalam agama Islam.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan. Untuk mengelakkan perkara ini daripada terus berlaku, berapa lamakah pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah ini?

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, lakonan-lakonan yang dibuat sedemikian rupa bukanlah baru-baru ini, bahkan sudah lama kita melihat tayangan gambar dan drama-drama yang melakukan perkara ini dan tidak kedapatan bahawa oleh kerana lakonan-lakonan itu menyebabkan ramai orang Islam menyeleweng oleh kerana ini. Itu pertama.

Kedua, bukan sahaja di negara kita yang melaksanakan perkara ini, bahkan kalau kita lihat sendiri filem-filem dari Indonesia misalnya, juga ada melaksanakan perkara ini. Tetapi yang penting di sini ialah apakah lakonan itu benar-benar menghina agama Islam ataupun mengajar manusia supaya insaf ataupun lebih bertaqwa. Kalau kita melihat orang melakonkan sembahyang dan selepas sembahyang membacakan satu doa yang memberi ajaran kepada orang-orang yang melakukan kesilapan, maka amalan itu adalah baik bagi mengajar orang supaya insaf. Begitu juga dalam soal ibadah, misalannya ibadah haji. Oleh kerana tujuannya mengajar maka kita boleh membuat kaabah, bukan

kaabah secara betul, tetapi kaabah secara tiruan di negara kita dan kita mengajar supaya orang mengelilingi kaabah tersebut.

Kalau kita pandang kepada hakikatnya memang tidak boleh kita mewujudkan lebih daripada satu kaabah, tetapi oleh kerana tujuannya untuk pengajaran, maka perkara itu dibolehkan. Oleh sebab itu, mana-mana perkara yang kita lakonkan dalam drama yang akan boleh membawa ajaran dan keinsafan kepada manusia, ia adalah satu perkara yang baik bagi manusia itu insaf sendiri. Misalnya, kalau kita melihat orang yang membuat jahat dengan teramat sangat, kalau kita melihat sendiri satu kubur yang mengeluarkan asap di kubur itu kerana mereka membuat jahat, saya boleh menyatakan di sini bahawa ramai yang melakukan kejahatan-kejahatan yang boleh menyebabkan kubur itu berasap, maka mereka itu sendirinya akan berhenti membuat jahat. Jadi, tujuan ini adalah amat baik.

Tentang untuk memberi bila jawatankuasa fatwa ini, saya tidak boleh memberi jaminan dan perkara ini akan diambil tindakan segera oleh pihak kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu yang hendak di ketahui bukan? Bila?

## **SISTEM PEMBELAJARAN UNIVERSITI SELURUH MALAYSIA - PENGUNAAN KOMPUTER**

7. **Tuan Frankie Chong Yu Chee** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) sama ada kerajaan mempunyai rancangan untuk menggunakan komputer sepenuhnya kepada sistem pembelajaran di semua universiti di Malaysia; dan

- (b) apakah persediaan yang dirancangan oleh kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]:** Tuan

Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian memang berhasrat untuk menggunakan komputer dalam semua peringkat pembelajaran di institusi pengajian tinggi awam terutamanya dalam bidang-bidang yang memerlukan penggunaan komputer seperti kejuruteraan, sains perubatan dan teknologi. Memandangkan peruntukan kewangan yang terhad, maka penggunaannya tidak menyeluruh dan keutamaan diberi kepada bidang-bidang teknikal dan bidang-bidang tertentu sahaja.
- (b) Dalam persediaan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini, beberapa langkah telah pun diambil. Antaranya ialah mempertingkatkan sektor swasta menceburi bidang pendidikan tinggi negara. Ini dapat dilihat dengan langkah kerajaan untuk mewujudkan Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta supaya membolehkan penubuhan universiti swasta atau penubuhan kampus cawangan universiti luar negara di Malaysia.

Dengan ini, dapat menarik pelajar-pelajar rantau sebelah sini dan negara-negara lain untuk meneruskan

pembelajaran mereka di negara ini. Dengan adanya universiti swasta, ia akan mengadakan lebih banyak lagi kemudahan tempat kepada pelajar-pelajar asing. Kementerian Pendidikan juga akan mengadakan pusat pameran pendidikan yang dijangka dapat dibangunkan pada tahun depan untuk dijadikan satu one-stop-agency bagi memberi maklumat kepada orang ramai termasuk juga negara-negara luar.

Dalam hubungan ini, Kementerian Pendidikan telah terlibat dengan pameran di luar negara seperti yang telah diadakan di Jakarta dan Barcelona pada tahun ini. Selain daripada itu, pihak Imigresen telah mengambil langkah-langkah mempermudah lagi proses keluar-masuk termasuk pelajar luar ke Malaysia.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan untuk menambah sekolah menengah teknik yang hanya terdapat sebuah sahaja di negeri Sabah pada masa ini?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Memang Kementerian Pendidikan ada rancangan bukan sahaja untuk menambah sekolah menengah teknik tetapi juga untuk menambah bilangan politeknik yang akan ada di negara ini dan semua rancangan ini akan diumumkan selepas Rancangan Malaysia Ketujuh diumumkan dan diluluskan oleh Parlimen dan Senate.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan ramai pelajar kita belajar di luar negara menerusi biasiswa kerajaan mahu pun juga menerusi biasiswa sendirian berhad, bolehkah pihak kerajaan memberi tahu kita dengan wujudnya universiti-universiti swasta dan juga sekolah-sekolah antarabangsa di negara kita ini, berapa pula jumlah wang masuk ke negara kita menerusi pelajar-pelajar ini di peringkat universiti

dan juga di peringkat sekolah antarabangsa dan sekolah-sekolah tinggi dan berapa jumlah penuntut-penuntut asing yang kini telah pun belajar di institusi tinggi dan juga sekolah-sekolah di negara kita?

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan pelajar Malaysia yang belajar di luar negara adalah di atas biasiswa “FAMA” atau biasiswa “father and mother” iaitu pembayaran persendirian amat berat. Jadi, untuk membolehkan lebih ramai pelajar-pelajar melanjutkan pendidikan mereka, maka Kementerian Pendidikan mengadakan rancangan untuk memperluaskan sistem pendidikan tinggi di Malaysia.

Sungguhpun hasrat Kementerian Pendidikan ialah untuk menggalakkan ramai pelajar asing untuk memasuki Malaysia, untuk mentransformasikan Malaysia sebagai, dengan izin, a nett exporter of educational service. Pada masa sekarang, sungguhpun ada pelajar-pelajar dari negara asing yang mengikuti program-program twinning dan sebagainya tetapi bilangan itu adalah terhad. Maka keuntungan kepada negara adalah terhad juga. Namun demikian, dengan memperluaskan program-program tersebut, kita yakin pada masa akan datang, program-program ini akan memanfaatkan negara kita lebih luas.

#### **SISTEM “TRAFFIC LIGHT” DI BAILEY BRIDGE KOTA BELUD, SABAH**

8. **Datuk Maidom P. Pansai** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada kementerian beliau sedar bahawa memandangkan kepada keadaan Bailey Bridge yang menyeberangi Sungai Tempasuk/Kadamaian di Kota Belud begitu panjang, maka sistem “traffic light” yang dipasang yang bertujuan pengawalan lalu lintas tidak dapat digunakan. Ini disebabkan walaupun lampu di sebelah sudah hijau, namun masih lagi terdapat kereta di tengah-tengah jambatan. Bila kereta itu sampai di hujung jambatan berkenaan, maka lampu hijau sudah pun bertukar menjadi merah. Kejadian seperti ini bukan sahaja mendatangkan masalah kepada lalu lintas malahan menjadi punca pergaduhan di antara dua kereta yang bertembung di tengah-tengah jambatan itu. Jika tidak, adakah kerajaan menyiasat perkara itu dan jika sedar, apakah tindakan untuk mengatasi.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya memang sedar akan masalah aliran lalu lintas yang berlaku di Jambatan Bailey yang menyeberangi Sungai Tempasuk/Kadamaian ke Kota Belud. Masalah ini timbul disebabkan oleh sikap pengguna yang tidak sabar dan keengganan mematuhi peraturan lalu lintas yang dikenakan di jambatan tersebut.

Pihak Jabatan Kerja Raya Sabah dengan kerjasama pihak polis telah melakukan siasatan mengenai perkara ini dan beberapa surat saman telah dikeluarkan kepada pengguna-pengguna yang melakukan kesalahan. Dalam pada itu, 4 orang kakitangan JKR telah ditempatkan di kawasan itu untuk memastikan kelancaran lalu lintas.

Dalam perancangan jangka panjang, bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Kerja Raya telah mengemukakan cadangan untuk membina sebuah jambatan yang mempunyai dua lorong dua hala dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk menggantikan jambatan yang sedia ada.

#### **FELCRA DI SABAH - KELUASAN TANAH**

9. **Tuan Haji Sairin bin Karno** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) berapa luaskah tanah yang telah Felcra majukan di Sabah dan di mana kawasan-kawasan berkenaan; dan
- (b) apakah jenis tanaman yang akan diusahakan oleh Felcra.

#### **Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar**

**[Tuan Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penglibatan Felcra di Sabah hanya bermula pada tahun 1995. Sehingga kini, Felcra telah mengenal pasti kawasan seluas 927 hektar di daerah Sandakan untuk dimajukan.

- (b) Tanaman yang akan diusahakan oleh Felcra di Sabah khususnya di Sandakan ialah kelapa sawit.

**Datuk Maidom P. Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah benar bahawa sambutan rakyat terhadap rancangan Felcra di Sabah adalah tidak begitu menggalakkan, bahkan amat dingin sekali. Kalau benar, apakah sebab-musababnya dan adakah benar bahawa oleh sebab kedinginan sambutan rakyat Sabah sendiri, maka warganegara yang bukan berasal dari Sabah diambil untuk menyertai projek anjuran pihak Felcra di negeri berkenaan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau kita kaji betul-betul soalan asal, soalan asal itu mengenai keluasan tanah dan yang kedua, jenis tanaman tetapi ada sedikit kaitan, saya ingat bolehlah jawab.

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya maklumkan tadi, Felcra baru mula bertapak di Sabah pada tahun 1995 dan walaupun ia baru bertapak di sana, kita telah mendapat berbagai permohonan dari rakyat Sabah untuk menyertai skim ini. Maka, maklumat yang Yang Berhormat dapat tidak begitu tepat.

Yang kedua, tidak benar sama sekali kita hendak mengambil warganegara asing untuk menyertai skim ini kerana ia akan bertentangan dengan Akta Felcra sendiri.

**Tuan Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian menyedari bahawa terdapat 42,760 ekar tanah terbiar di

daerah Nabawan-Pensiangan yang tidak dapat diusahakan oleh kerajaan lalu oleh sebab yang saya tidak dapat terangkan di sini. Adakah kawasan ini juga telah dimasukkan di dalam Rancangan Felcra untuk dimajukan pada masa akan datang ini?

**Tuan Douglas Uggah Embas:** Sistem kita, kalau Yang Berhormat mendapati bahawa jika ada kawasan yang berhasrat untuk menyertai skim ini iaitu FELCRA, boleh memajukan permohonan kepada FELCRA dan kita akan memberi jaminan bahawa kita akan mengkaji sama ada kawasan itu dapat diusahakan ataupun tidak dari segi economic viability, dengan izin.

#### **PEMBINAAN SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH - JUMLAH PERTAMBAHAN**

**10. Tuan Haji Jamaludin bin Haji Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa banyakkah lagi sekolah rendah dan menengah akan didirikan bagi menampung penambahan murid-murid di dalam bandar dan luar bandar.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, pembinaan sekolah rendah dan menengah baru sememangnya dilaksanakan tahun demi tahun bagi menampung penambahan pelajar, sama ada di bandar atau di luar bandar. Walau bagaimanapun, bilangan sekolah rendah dan menengah baru yang akan didirikan masih lagi dalam pertimbangan kerajaan.

**Puan Mastika Junaidah binti Husin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengubahsuai bentuk bangunan yang dibina untuk sekolah kerana pada masa ini kita dapati sekolah-

sekolah telahpun mencantikkan lanskap dan sebagainya? Saya berpendapat, bangunan yang sedia ada itu amat stereotype bentuknya.

**Datuk Dr. Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang sedar tentang masalah itu iaitu tentang semua sekolah ini nampaknya sama dan mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Maka, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji “design” yang baru untuk sekolah-sekolah supaya sekolah-sekolah itu adalah mengikut lanskap atau mengikut suasana tempatan itu. Dengan itu, ia akan mempunyai ciri-ciri tertentu dan kita berharap hasrat atau rancangan itu dapat dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

#### **KEKURANGAN BEKALAN AYAM DI MUSIM PERAYAAN - LANGKAH MENGATASI**

**11. Tuan Haji Othman bin Yunos** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah langkah-langkah pihak kementerian supaya bekalan ayam tidak akan terjejas apabila menjelang hari perayaan tidak berapa lama lagi.

#### **Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

**[Dato’ Haji Abu Hassan bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah berusaha dalam menentukan bekalan ayam sentiasa mencukupi dan harganya pula berada di paras yang berpatutan, terutamanya menjelang musim perayaan Tahun Baru China dan Hari Raya Aidil Fitri pada tahun hadapan.

Di antara langkah-langkah yang telah dan akan dijalankan ialah:

- (i) mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi kerajaan terlibat dan persatuan-persatuan penternak

dan peniaga ayam dalam menentukan bekalannya sentiasa mencukupi dan harganya pula adalah berpatutan;

- (ii) meminta kerjasama agensi-agensi kerajaan seperti FAMA dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk turut membekalkan secara runcit barangan berkenaan sekiranya perlu;
- (iii) membuat monitoring ke atas pelan harga ayam di pasaran melalui kutipan harga yang dijalankan di seluruh negara. Ini bertujuan untuk mengesan sebarang kenaikan harga ayam dan siasatan akan dijalankan untuk mengenal pasti punca berlakunya kenaikan harga;
- (iv) menjalankan pemeriksaan fizikal di semua peringkat urus niaga ayam dengan tujuan untuk menentukan bekalan ayam adalah mencukupi, harganya berpatutan dan pengedarannya berjalan lancar.

Di samping itu, pengawasan juga dijalankan ke atas peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan mengeksploitasi keadaan dengan menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya untuk mencari keuntungan yang berlebihan secara mudah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kementerian juga sedang mengambil tindakan untuk menjadikan ayam sebagai barang berjadual di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961. Dengan pengisytiharan ini, semua pengendalian urus niaga ayam akan dilesenkan di bawah peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974. Ini bertujuan untuk mengawal semua peringkat urus niaga ayam.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri, kenapakah harga ayam kampung, harganya tidak naik dan tidak turun, steady sahaja, manakala yang naik turun ini adalah ayam cucuk ataupun ayam import. Ini berbeza dengan ayam yang selalu terdapat di kedai-kedai fast food. Ini saya hendak bertanya Yang Berhormat, adakah sebab-sebab tertentu yang menyebabkan ada perbezaan ini?

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ayam kampung ini, tidak banyak cerewet. *[Ketawa]* Dia mengikut kata tuannya dan apabila dilepaskan, maka.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia mencari ayam lain?

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Dia tidak kacau orang lain. *[Ketawa]* Oleh itu, apa juga makanan yang diberi, dimakan oleh ayam yang berkenaan. Tetapi ayam di bandar, nampaknya lebih sofistikated sedikit. Mengikut makluman, ayam di bandar memerlukan vitamin, memerlukan keperluan infrastruktur seperti elektrik, air dan lain-lainnya seperti ubat batuk pun ada disebut *[Ketawa]*. Jadi, sebab kos pengeluaran di bandar ini

bertambah meningkat dari semasa ke semasa, sebab itulah barangkali harganya meningkat! *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu termasuk juga di dalam lapangan Dato' M. Mahalingam - tentang ubat batuk.

**Tuan Ng See Tiong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah pihak kementerian memastikan bahawa bekalan ayam yang ada di pasaran kita ini bukan ayam sakit yang akan mendatangkan kesan yang buruk kepada kesihatan kita?

**Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan Ahli Yang Berhormat. Dari segi ayam yang dibekalkan ataupun dijual di pasar, ianya dikeluarkan oleh penternak-penternak yang tahu dari segi tanggungjawabnya untuk berbuat demikian dan ini juga akan dipastikan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang sentiasa mengawasi pengeluaran ataupun 'production' ayam di ladang-ladang yang berkenaan.

Sekiranya didapati ada ayam yang mengalami penyakit dan sebagainya, maka tindakan segera akan diambil oleh agensi-agensi yang berkenaan dan juga penternak-penternak. Jadi, saya beri jaminan tidak adalah ayam sakit akan dijual kepada orang ramai pada keseluruhannya.

## **PENARIKAN MODAL PELABURAN ASING - JUMLAH DAN PRESTASI**

**12. Tuan Low Kai Meng** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah keputusan yang tercapai dalam langkah penarikan pelaburan terus negara asing (FDI) bagi tahun ini. Berbanding dengan tahun lepas, adakah jumlah modal dan item pelaburan ini bertokok atau berkurang.

**27.12.95**

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan:

- (a) bilangan pelabur luar beserta negara dan modal yang dilaburkan di negara ini sehingga November 1995;
- (b) bilangan pelabur negara ini yang melabur di luar negara dan negara mana dan jumlah modal yang dilaburkan; dan
- (c) kenapakah pelabur-pelabur Malaysia suka melabur di luar negara dan apakah keuntungan dan kerugian yang dialami oleh Malaysia hasil daripada mereka melabur di luar negara.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Mohd. Zin bin Haji Mat Daud yang perlu dijawab pada 27hb. Disember 1995 kerana kedua-duanya ada kaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Hishamuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan kemasukan pelaburan asing ke negara ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti menyediakan insentif-insentif pelaburan di bawah Akta Penggalakkan Pelaburan 1986 iaitu elaun cukai pelaburan, taraf perintis, elaun pelaburan semula dan elaun penyusunan industri.

Kerajaan juga telah menawarkan insentif khas bagi industri-industri strategik dalam bentuk pelepasan cukai sepenuhnya untuk selama 10 tahun taraf perintis atau elaun cukai pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak.

Untuk menggalakkan supaya industri-industri dapat ditempatkan di kawasan-kawasan kurang maju, kerajaan telah mengadakan insentif khusus yang lebih baik dari segi kadar elaun pelepasan cukainya. Pakej insentif ini adalah khas untuk koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Di samping menyediakan persekitaran dan iklim pelaburan yang baik, kerajaan turut mengadakan beberapa misi pelaburan dan perdagangan di luar negeri bertujuan untuk menarik lebih banyak pelaburan asing ke Malaysia. Pada tahun ini sahaja, sebanyak 12 misi perdagangan dan pelaburan ke luar negeri telah dijalankan selain daripada usaha-usaha biasa yang dijalankan oleh 49 buah pejabat perdagangan dan pelaburan yang terletak di seluruh dunia.

Prestasi pelaburan asing bagi tempoh 10 bulan bagi tahun 1995 ini telah menunjukkan sedikit pengurangan dari segi jumlah pelaburan jika dibanding dengan tempoh yang sama pada tahun 1994. Jumlah pelaburan asing bagi Januari hingga Oktober, 1995 adalah sebanyak RM6,026.7 juta berbanding dengan RM10,351.9 juta bagi tempoh yang sama dalam tahun 1994.

Walau bagaimanapun, pengurangan jumlah pelaburan asing ini adalah merupakan satu perkara yang biasa kerana ianya bergantung kepada arah aliran turun naik permohonan pelaburan. Jika dibandingkan dengan tahun 1993 yang mempunyai jumlah pelaburan asing sebanyak RM6,287.2 juta bagi Januari hingga Disember, prestasi pelaburan asing bagi Januari hingga Oktober 1995 adalah hampir sama.

Pada masa ini juga kerajaan telah menolak permohonan syarikat-syarikat yang mempunyai nisbah pelaburan modal bagi setiap peluang pekerjaan RM55,000 atau kurang kerana projek-projek tersebut dikategorikan sebagai projek-projek berintensifkan buruh. Ini juga sedikit sebanyak telah mengurangkan jumlah pelaburan asing yang baru.

Jika dilihat dari segi jumlah pelaburan keseluruhan bagi tempoh Rancangan Malaysia Keenam hingga kini, kerajaan telah pun mencapai matlamat pelaburan di bawah Rancangan Malaysia Keenam yang berjumlah sebanyak RM80,000 juta. Sehingga kini projek yang telah diluluskan adalah berjumlah RM109,183 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang Rancangan Malaysia Keenam, iaitu dari tahun 1991 hingga Oktober, 1995 sebanyak 3,607 projek yang melibatkan pelabur-pelabur asing telah diluluskan oleh MITI dengan jumlah pelaburan sebanyak RM58,480 juta. Angka pelaburan sehingga bulan November 1995 belum diperolehi lagi. Di antara pelabur-pelabur yang terbesar adalah dari Singapura, Jepun, Taiwan, Hong Kong, Amerika Syarikat dan United Kingdom.

Kerajaan tidak mengawal pelabur tempatan untuk melabur di luar negara. Oleh itu, bilangan sebenar yang melabur di luar negara tidak diperolehi. Walau bagaimanapun, berdasarkan kepada maklumat mengenai semua pengiriman wang ke luar negeri untuk tujuan pelaburan yang dibuat melalui sistem bank yang dikumpulkan oleh Bank Negara Malaysia, jumlah pelaburan Malaysia di luar negeri bagi tahun 1994 ialah RM4,513 juta. Pelaburan ini tertumpu di empat buah negara iaitu Hong Kong, Singapura, Amerika Syarikat dan Australia. Bagi tempoh Januari hingga Mei 1995 pula jumlah ialah RM1,710.5 juta tetapi pecahan mengikut negara belum diperolehi lagi.

Akhir sekali, di antara faktor-faktor yang mempengaruhi pelabur-pelabur tempatan melabur di luar negara adalah untuk mengamalkan strategi pelbagaian syarikat dan menembusi pasaran yang lebih luas dan baharu. Syarikat juga membuat keputusan melabur di luar untuk mendapatkan lebih faedah berbanding dari segi kos, memandangkan kos buruh di negara telah meningkat.

Tindakan para pelabur memberi kesan yang positif dan negatif kepada negara. Di antara kesan-kesan positif adalah seperti kemasukan keuntungan

ataupun dividen syarikat ke negara dan dapat memobilisasikan sumber-sumber tempatan yang lebih menguntungkan dan cekap, manakala dari segi kesan negatif pula, adalah pengaliran keluar wang yang boleh memburukkan defisit imbangan pembayaran sekarang. Walau bagaimanapun, jika dikaji daripada pengalaman negara-negara maju yang melabur di luar-luar negara, kesan-kesan positif adalah melebihi apa kemungkinan kesan-kesan negatif yang mungkin wujud.

### **CARUMAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA - JUMLAH PELABURAN**

13. **Dato' Ting Check Sii** minta Menteri Kewangan menyatakan:
- (a) berapakah jumlah pencarum aktif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja setakat ini;
  - (b) berapakah jumlah wang yang tidak dituntut, mengapa; dan
  - (c) berapakah jumlah wang caruman telah dilabur dalam negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) jumlah pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang aktif setakat bulan November, 1995 adalah seramai 3.9 juta pekerja dari 253,433 majikan;
- (b) jumlah wang caruman yang tidak dituntut sekarang bulan September, 1995 ialah sebanyak RM31.3 juta. Faktor-faktor yang menyebabkan ahli-ahli KWSP tidak memohon untuk mengeluarkan simpanan mereka adalah seperti berikut:
  - (i) ahli tidak menyedari bahawa mereka mempunyai simpanan KWSP;

- (ii) ahli telah meninggal dunia dan penama atau waris ahli tidak mengetahui bahawa ahli mempunyai simpanan KWSP;
- (iii) ahli bukan warganegara Malaysia telah kembali ke negara asalnya tanpa membuat pengeluaran; dan
- (iv) ahli KWSP telah berhijrah ke negara lain tanpa membuat pengeluaran.

- (c) Setakat 1hb. Oktober, 1995, jumlah wang caruman yang telah dilaburkan dalam negeri oleh KWSP adalah sebanyak RM93 juta.

#### **PEMANDU-PEMBUNUH DI JALAN RAYA - HUKUMAN**

14. **Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) adakah menteri sedar iaitu bilangan kemalangan dalam negara kita dianggap tinggi dan adakah langkah positif akan diambil untuk membina 'Jalan Bebas Kemalangan'; dan
- (b) kebanyakan kemalangan berlaku kerana pembuli (roadgiants) jalan raya yang tidak mematuhi undang-undang jalan raya yang kini tidak begitu ketat. Bolehkah kerajaan mengemukakan undang-undang hukuman mati terhadap pemandu yang cuai serta menjadi pembunuh jalan raya cuai mengorbankan satu atau lebih nyawa kerana keluarga mangsa yang mati turut menderita. Pembunuh yang terlibat membebaskan diri begitu sahaja kerana undang-undang jalan raya masih ada kelonggaran.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) kerajaan memang sedar bahawa bilangan kemalangan jalan raya di negara ini dianggap tinggi. Langkah-langkah positif memang diambil secara berterusan oleh kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan tahap keselamatan jalan raya di seluruh rangkaian jalan raya di negara ini. Dalam hubungan ini usaha-usaha melalui

pendekatan tiga 'E', iaitu Pendidikan (Education), Kejuruteraan (Engineering) dan Penguatkuasaan (Enforcement) terus dijalankan. Ketiga-tiga pendekatan ini telah membantu meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan keselamatan jalan raya di kalangan semua kategori pengguna iaitu pemandu, penunggang motosikal, pejalan kaki, kanak-kanak dan sebagainya.

- (b) Kerajaan berpendapat undang-undang yang sedia ada adalah memadai untuk menghukum pemandu-pemandu yang didapati bersalah. Bagi kesalahan yang mengakibatkan kematian kerana memandu dengan melulu atau dengan kelajuan atau dengan cara yang membahayakan dan jika disabitkan dengan kesalahannya, boleh didenda tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun ataupun kedua-duanya sekali.

Bagi kes pembuli jalan raya pula, pemandu-pemandu yang disabitkan kesalahan yang mengakibatkan kecederaan teruk boleh didakwa di bawah seksyen 325 Kanun Kesiksaan yang membawa hukuman penjara yang boleh dilanjutkan sehingga tempoh 7 tahun dan juga boleh didenda.

Itu sahaja jawapan kepada soalan yang dibangkitkan.

***[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No.15 hingga 44 adalah diberi di bawah ini]***

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1996**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang” [*Hari Isnin, 18hb. Disember, 1995*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Ibrahim Ali, sila sambung perbahasan.

**3.38 ptg.**

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum saya merumuskan perbahasan saya mengenai dengan Akta Perbekalan 1996 ini saya sukalah menyentuh beberapa isu yang saya kira perlu mendapat jawapan daripada pihak kementerian ataupun kerajaan.

Pertama, mengenai Permit Kereta Terpakai (Approved Permit) yang saya kira agak kontraversi dewasa ini oleh kerana kesukaran usahawan-usahawan yang membabitkan dalam perniagaan kereta terpakai sukar mendapat Approved Permit (AP) yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antara Bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum ini saya percaya, saya juga akui dan akur bahawa pendekatan dan dasar yang dibuat oleh Kementerian Perdagangan Antara Bangsa telah memberi kesan yang baik terutamanya dalam soal menentukan jumlah AP yang perlu diluluskan dan kepada syarikat mana yang patut diberikan sebab pada tahun-tahun sebelumnya keadaan pada masa itu

agak berbeza, mungkin kerana masalah kemerosotan ekonomi pada awal tahun 1981 dahulu. Akibat daripada itu, Approved Permit (AP) untuk kereta-kereta

yang dibawa daripada luar negara memang berkecamuk tetapi kemudian dasar yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antara Bangsa hanya menentukan syarikat-syarikat yang menunjukkan prestasi yang berupaya diberi permit membawa kereta terpakai dan seterusnya diadakan usaha-usaha di mana syarikat-syarikat tertentu bergabung di bawah konsortium manakala pihak-pihak lain yang baru hendak menceburi diri dalam bidang ini memang sukar untuk mendapatkan kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, isunya ialah keadaan sudah berubah daripada dahulu. Bagi konsortium yang mendapat permit ini, saya difahamkan dikendali oleh satu syarikat yang besar bergabung dalam syarikat diberi AP dan syarikat yang besar yang bergabung dalam konsortium ini mengimport kereta masuk dan syarikat-syarikat yang kecil yang bergabung dalam syarikat berkenaan sebagai konsortium hanya tidur dan menunggu imbuhan bulanan.

Ada ketika, saya difahamkan yang menjadi tauke besar ini membawa masuk 5 atau 10 buah kereta diberitahu kepada tauke yang besar ini mereka hanya membawa masuk 5 buah kereta. Sebab segala-gala AP ada pada satu syarikat yang mengawal konsortium, manakala pihak lain kalau memohon sekarang ini mustahil akan dapat dan kita tahu bahawa mereka yang dapat ini tidak semuanya menjalankan perniagaan ini.

Saya percaya Tuan Yang di-Pertua pun tahu satu permit AP harganya tidak kurang daripada RM15,000 atau RM12,000 satu unit untuk kereta terpakai sama ada jenis Mercedes atau BMW.

Sebuah syarikat yang ada lima permit AP, pendapatannya kalau RM20,000 kali dengan lima, bererti RM100,000 sebulan. Bahagialah mereka ini dan kita bergembira melihat syarikat-syarikat usahawan ini mendapat nikmat

dan faedah yang begitu besar. Manakala pihak-pihak lain yang genuine dan ada juga yang cari makan secara menjual AP tetapi masalahnya orang-orang ataupun golongan usahawan yang benar-benar genuine yang mahu dan ada kepakaran dalam bidang ini sukar hendak mendapat AP.

Saya ingin mencadangkan, oleh kerana dasar yang ada sekarang ini sudah dua-tiga atau empat tahun dan ada golongan-golongan memang masyaAllah Tuan Yang di-Pertua, memang bermandikan dengan kekayaan. Kita dapat tahu beberapa buah syarikat. Memang kita seronok. Ini dasar kerajaan kita menggalakkan usahawan dan memberi mereka kejayaan tetapi sudah sampai waktunya juga kekayaan seumpama ini dirata-ratakanlah. Janganlah sayang bertompok, benci merata - pepatah Melayu mengatakan. Iaitu golongan-golongan lain yang ada kelayakan, menunjukkan prestasi dan mereka boleh menjalankan perniagaan seumpama ini patut diberi peluang. Sudah sampai masanya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kaji balik.

Sampai ada sebuah syarikat di Kampung Bharu saya tengok, stok keretanya, yang lain saya tidak tahulah, dengan motorsikal - cukup banyak. AP-AP ini dipegang di bawah konsortium dan syarikat-syarikat yang saya katakan tadi dapat AP melalui konsortium ini goyang kaki sahaja. Cukup bulan datang tanya AP saya sudah berapa dipakai. "Sudah dipakai lima". Tetapi dibawa masuk in-advance 30 atau 40 buah kereta. Memang betul cerita ini, Tuan Yang

di-Pertua. Sebab itu saya harap Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengkaji balik sebelum ianya menjadi kontroversi yang lebih melebar.

Walau macam manapun, saya katakan tadi, saya hendak qualify apa yang saya kata, apa yang dibuat oleh Menteri Perdagangan sebelum ini mungkin menunjukkan kejayaan. Sebab dulu ada yang diberi AP tidak buat. Ada yang diberi AP, jual. Akhir sekali hanya di"control" di mana syarikat-syarikat tertentu sahaja diberi. Tetapi janganlah sampai syarikat itu sahaja sampai hari ini, pihak lain tidak dapat peluang. Betul, Tuan Yang di-Pertua! Sebab di antara tauke-tauke besar yang saya tengok sekarang ini, yang pakai cincin-cincin besar, cincin yang kalau kita garu di dagu, berkilat cincin itu. Tauke....

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang ini tandanya terletak kepada cincin?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ada cincin yang sebesar ibu jari kaki di tangan. Ini tauke kereta...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia pakai di kakikah atau di jari?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Di jari. Dipakai di jari. Banyak pula. Dua atau tiga. Kadang-kadang bertukar. Saya tanya, "Saudara ini bomohkah? Dia kata. "Tidak, tauke kereta". "Allah!" Saya kata, "Banyaknya cincin". Di sini, kalau pegang nampak di sini. Ini kontraktor dengan tauke kereta.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim sendiri berapa cincin ada?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya punya kecil. *[Ketawa]* Ini lain. Ini cincin yang orang kata pejuang rakyat. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan cincin AP, ya?

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tidak! Ini bukan cincin AP. Sebab itu, saya harap Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan saya harap pegawai-pegawai yang ada di sini yang mewakili Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tolonglah lihat dan nasihatlah pembuat dasar di kementerian. It is a high time. Sebab saya bimbang AP ini sekarang RM15,000 sebuah, Tuan Yang di-Pertua. Ada yang 10 AP, ada yang 20 AP. Dia hendak buat apa dengan duit sebanyak ini? Cukup banyak ini. Betullah kita harap bila banyak dia melabur lagi. Dia buka syarikat, dia buka kilang. Ada ramai yang berjaya macam itu. Tetapi ada yang setakat dapat sahaja lepas itu sebulan sekali pergi London, pergi cari kereta hendak bawa balik. Duduk di sana seminggu dua, ke hulu, ke hilir di Edgeware Road kah. Itu mulalah. *[Ketawa]* Saya pun bab-bab intelligent ini boleh tahanlah sebab banyak juga baca buku-buku jenis itu. I am not a CIA agent, neither KGB, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya suka baca buku-buku ini. Maknanya boleh tahanlah maklumat-maklumat yang saya tahu ini.

Supaya mereka menggunakan keuntungan ini, faedah dan dasar yang dibuat oleh kerajaan yang berjaya ini, akibat daripada pertumbuhan ekonomi, rakyat makin sehari pendapatan makin meningkat, dapat rumah besar, dapat kereta dan orang yang dapat AP pula boleh buat perniagaan. Tetapi kita haraplah supaya janganlah ditompok-tompokkan. Memang tidak sedikit syarikat yang dapat. Banyak juga. Tetapi ramai lagi juga yang hendak

mengikut serta yang ingin melibatkan diri. Manakala ada juga di kalangan rakyat yang dulu pihak kementerian sudah batalkan. Kalau pelajar-pelajar kita di luar negeri balik beli kereta, takut disalahgunakan, bawa masuk kereta dan jual untuk berniaga. Sekarang ini sudah ada had berapa tahun kereta itu baru boleh dibawa masuk.

Tetapi bagi orang-orang yang hendak pakai sendiri, saya rasa tidak menjejaskan pasaran. Malah saya masih ingat, ini saya harap jangan salah faham, dulu pernah dicadangkan Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara dan wakil-wakil rakyat juga diberi kemudahan untuk dapat satu AP dan bawa kereta masuk, pun tidak dapat. Saya pun ada pergi tanya juga. Pegawai itu kata, "You hendak AP? RM15,000". RM15,000 just one signature by the Minister of Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Satu kertas, it costs RM15,000 to RM20,000. Okay, fair. Kalau itulah perniagaannya, berniagaalah. Tetapi hujah saya sudah sampai masanya perkara ini dibahagi-bahagikan dengan lebih luas. Peluang ini berilah kepada pihak-pihak lain kerana matlamat dulu untuk menghidupkan usahawan-usahawan dalam perniagaan kereta import terpakai ini sudah pun kuat sekarang. Oleh kerana mereka sudah kuat, maka eloklah ini dikaji semula. Kalau dulu ada 100, turunkan kepada 50. Kalau ini 20, turun 10. Kalau ini 5, diturunkan 3. Masih lagi ada RM45,000 kalau tiga AP. Bukan dengki, tidak. Kita Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat bersyarah ke hulu ke hilir, malam hari pun bersyarah pun Alhamdulillah. Kita dapat RM3,000 atau RM4,000 sebulan sahaja. Itu pun belum masuk derma-derma kampung lagi. Belum masuk lagi belanja rombongan anak-anak sekolah datang ke Kuala Lumpur, banjirlah, isteri sakit hendak beranaklah, sakit kepalalah, macam-macam. Kita hendak share the responsibility. Saya minta perkara ini betul-betul diambil perhatian oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

Saya hendak bertanya satu lagi. Kenapa unit bumiputera di MITI dibubarkan? Unit Penyertaan Bumiputera setahu saya telah dibubarkan, kenapa? Walau pun kita sudah tamat Dasar Ekonomi Baru dan kita sudah masuk dalam Dasar Pembangunan Ekonomi Nasional (DPN), tetapi sekurang-kurangnya isu penyertaan ini belum selesai. Bumiputera masih perlu kepada bimbingan ataupun dibuat secara mana, saya tidak tahulah. Saya difahamkan, dibubarkan. Saya difahamkan, betul atau tidak saya hendak mendapat penjelasan daripada pihak kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara saya hendak sentuh, yakni perkara-perkara pokok sahaja, mengenai dengan pembangunan Putrajaya. Elok saya kemukakan pandangan di waktu perbahahasan Rang Undang-undang Perbekalan ini, kerana Putrajaya mungkin selepas Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini bersidang nanti, maka akan diwujudkan perbadanan dan syarikat sudah pun ditubuh. Ini adalah projek yang besar, yang akan menjadi kebanggaan negara kita, selain daripada projek-projek yang saya sebut semalam, Kuala Lumpur International Airport, KLCC, KL Tower, Jambatan Pulau Pinang sudah sedia, semua yang hebat-hebat ini, cuma Kelantan sahaja, saya tunggu Nik Aziz buat kilang ketayap belum siap sampai sekarang. Ini pun untuk membangunkan negeri juga, at least ada kilang ketayap pun jadilah, sekurang-kurangnya 200-300 orang boleh bekerja, buat ketayap tahukah, buat kopia ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh, ketayap.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Ha! itu ketayap, sekurang-kurangnya kalau pun tidak boleh buat benda yang lain, saya mintalah Yang Berhormat

Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud kita dapat sampaikanlah kepada Menteri Besar Kelantan ya! Sampaikan salam saya.....*[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila. Dia hendak beri.

**Tuan Mohd. Zain bin Haji Mat Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan. Kalau sekiranya Kerajaan Kelantan berhasrat untuk membuat kilang ketayap, adakah Yang Berhormat boleh memberi sumbangan kertas kerjakah atau sebagainya untuk garis panduan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Saya akan memberi sokongan 100% tidak berbelah bahagi, dengan syarat jangan dipolitikkan. Saya tidak hendak sampai ketayap pun dipolitikkan - ini kacau. Tetapi kalau buat ketayap untuk berniaga, saya sedia melabur, setakat yang saya adalah - banyak tidak ada, tetapi saya akan sokong. Sekurang-kurangnya biarlah Kelantan itu sudah bercakap Islam banyak sangat, adalah industri-industri, kalau tidak bolehpun buat ketayaplah, orang lain buat kereta, kapal terbang, kereta kebal. Kalau ketayap pun tidak boleh buat - malukan, betul tak? Ini saya cakap ikhlas bukan sahaja saya hendak mengatakan Kerajaan Kelantan - tidak, saya cakap fact. Tinggal lagi Tuan Yang di-Pertua, balik kepada soal Putrajaya, ini besar, bila besar projek ini akan dibahagikan kepada dua kategori. Satu projek yang saya kira membina prasarana dan bangunan-bangunan kerajaan, satu lagi ialah pembangunan, mendirikan rumah-rumah dan seumpamanya. Ini dikatakan akan dibuat melalui penswastaan.

Untuk melalui projek-projek bangunan kerajaan sudah barang tentu akan dibuat cara tender terbuka dan ada juga kaedah akan diguna melalui negotiated tender, sebab sudah ada konsep kontraktor berwibawa. Tinggal lagi, Tuan Yang di-Pertua, konsep kontraktor berwibawa pula hari ini kita lihat bila diberi projek kepada kontraktor berwibawa, saya dapati harga itu, sebab mungkin pihak yang buat estimate ini di JKR atau di mana-mana sahajalah, selalunya satu projek normaly kalau open tender dia beri 15% keuntungan. Tetapi siapa dapat tender subject kepada Jawatankuasa Tender, it can be lower or it can be higher, it can be in the middle - tidak tahulah, maknanya pokok pangkalnya its doesn't exceed 15%. Tetapi bila diberi kontrak secara negotiated kepada kontraktor berwibawa, kalau hendak tolong syarikat-syarikat bumiputera, langkah yang baik, yang cukup bijak, tetapi janganlah pula kerana diberi projek, maka mereka pun dapat projek, dahulu mereka tidak dapat projek, tetapi perbezaan dari segi estimate dengan keuntungan doesn't exceed 6% to 7%, maknanya seolah-olah serupa juga mereka masuk tender, harga paling rendah 5% dengan estimate 3% untung baru dapat, serupa juga kalau kita beri negotiated di atas prinsip tadi. Therefore, saya harap perkiraan untuk negotiated tender kepada kontraktor berwibawa, seharusnya tidak juga melebihi 15%, tetapi janganlah sampai 6%-7%. Pihak-pihak yang buat tender pun janganlah fikir orang ini buat untung besar - jangan fikir begitu. Kita hendak mereka ini hidup, mereka ini berjaya, maka matlamat kontraktor berwibawa bukan sahaja mereka dipastikan dapat projek, tetapi juga pada masa

yang sama, bila mereka buat projek tersebut, mereka dapat pengalaman, dapat keuntungan yang selesa untuk mereka melangkah lebih maju lagi ke hadapan. Itu dari satu segi.

Mengenai persaingan dengan syarikat public listed company, ini untuk open tender. Saya tidak tahu macam mana kaedah di Putrajaya, tetapi saya haraplah kontraktor-kontraktor bumiputera ini diberi bimbingan dan peluang seluas-luasnya. Sebab hari ini Tuan Yang di-Pertua, listed company di Kuala Lumpur Stock Exchange, either first board or second board, dengan izin, sudah beratus sudah seluruh syarikat-syarikat public listed ini ada dia punya construction up, anak syarikat yang memiliki lesen 'A' kontraktor. So, mereka ini sudah membesar, sudah menjadi gergasi, equipment pun cukup, segala-galanya cukup, maka mereka masuk tender, kadang-kadang below price pun mereka boleh buat, fasal bagi public company, ia masuk dengan rugi sedikit pun tidak apa, sebab dia hendak projek, dia hendak general income, it doesn't matter dia rugi atau tidak rugi, because to them, sesudah dapat satu projek, dia isytihar dalam surat khabar, MoUkah, sign agreement tender 30 juta, 40 juta maka share pun naik sedikit, betulkah? So, dia boleh cover dengan itu, tetapi syarikat-syarikat yang kecil-kecil yang ada Kelas 'A', tetapi bertaraf Sendirian Berhad, tidak mungkin mereka boleh compete dengan syarikat-syarikat public listed company. Ini adalah polisi, it is serious, tetapi bukanlah bererti kerajaan tidak sedar, oleh sebab itu kerajaan wujudkan apa yang dikatakan kontraktor berwibawa. Tetapi berapa banyak sangat yang dapat peluang? Everything,

maknanya lebih banyak lagi compete dalam open market, maknanya melalui tender terbuka, tidak mungkin. Jadi, saya harap perkara ini diberi perhatian benar-benar oleh pihak kementerian, samalah juga, oleh kerana kerajaan sekarang ini pun sudah banyak memberi peluang perniagaan kepada banyak pihak, di bawah konsep Malaysia will be corporated, konsultan-konsultan pun kita pakai ramai, dahulu JKR sahaja, agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun banyak pakai konsultan di luar, baik akitek, baik konsultan lain-lainlah, project manager ataupun yang membuat estimate, maka dilantik konsultan dalam negeri, luar negeri joint-venture semua sekali. Saya dapat tahu, sama ada betul atau tidak betul wallahualam, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya dapat tahu ada juga orang-orang yang handal, yang orang kata racket hook contact, macam mana sebelum tender keluar, orang-orang ini sudah tahu estimate di atas harga satu-satu tender?

Saya difahamkan even photostat copy, estimate satu-satu projek memang diseludup keluar oleh pihak-pihak berkenaan. Maka apabila masuk tender, dia boleh buat agak-agak estimate, sama ada yang dalam pakat dengan yang luar atau yang luar pakat dengan kontraktor yang bertanggungjawab sebagai konsultan, main kayu tiga, saya tidak tahu - ini berlaku. Ini bukan semua - tidak semua agensi berlaku, but ada certains agencies, kerana ada kontraktor-kontraktor yang asyik dapat sahaja dan tidak salah dia dapat kerana mengikut prosedurnya tender yang dia masuk is always within the budget, 6%, 7% or more, you know! lebih kurang sahaja, so nice, so perfect. Kalau sudah dapat

angka, buat longkang sekian, buat bangunan sekian, dia dapat estimate asal, selepas itu dia kurangkan sedikit 5% atau dia naikkan sedikit 6%, so he can get a quite perfect figure, so when he goes to the Lembaga Tawaran, definite dia akan dapat. Perkara-perkara macam ini pun saya kira policy matter yang kerajaan mesti tengok balik, pastikan dan saya percaya setakat ini pun alhamdulillah, cuma tinggal lagi peringatkan sahaja ini, supaya perkara-perkara macam ini diambil ingatan - ini hal Putrajaya.

Begitu juga peluang-peluang projek penswastaaan di bandar Putrajaya ini nanti, tanah-tanah akan dikenal pasti dan sekalian pakej untuk sekian banyak rumah, maka diberilah juga pada mereka yang berkenaan. Betullah macam projek-projek listed company ini, kita kena true sokong, sebab they cannot survive with the present project, because they have to continue, kerana dia ini sudah 'diapung' di bursa saham, maknanya they have to continue, ertinya dari satu projek ke satu projek, kalau tidak habis, kita fahamlah itu. Tinggal lagi kenalah juga, kerana projek penswastaaan sekarang ini, kalau dahulu setengah-setengah syarikat perlu ada kepakaran, banyak modal dan pengalaman, tetapi ianya sudah tidak menjadi sukar lagi, terutamanya macam di Putrajaya. Putrajaya ini is a matter of giving opportunity sahaja, sebab ada projek-projek kalau hi-tech kita perlukan kepada pengalaman, modal, ada good principle from oversea, lebih kurang macam itu. Tetapi ada juga projek-projek yang kita tahu very lucrative, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, macam AP tadilah.

AP tadi kalau dapat satu RM15,000 boleh jual, maknanya kita tidak beri pada orang yang ada pengalaman, dia boleh buat duit.

So, macam projek Putrajaya, kita sudah tahu akan jadi satu bandar besar, harga-harga tanah di sana pun sudah melambung naik. Pendek kata kalau syarikat RM200,000, RM300,000 paid-up capital jangan kita ukur, ini tengok modal tidak banyak sebab giving them an opportunity. Dia tahu kawasan itu Putrajaya, dia beli 300, 400 ekar untuk dia bangunkan, dia buat projek paper, dia pergi kepada bank, bank tengok lokasi projek tersebut mudah normally financial institution beri sokongan kepada syarikat-syarikat di mana dia lihat projek di tempat-tempat berkenaan sudah barang pasti akan membuat keuntungan, kecuali kalau dia tengok, projek perumahan di Kelantan, hendak buat di kawasan Pengkalan Chepa, hendak buat di kawasan mana? Di kawasan Bachok, 300 - 400 ekar dia ada modal berbayar pun RM3 juta, RM4 juta, RM5 juta, tetapi sudah tahu environment di sana tidak mungkin, suasana di sana tidak mungkin, pembangunan di sana, infrastruktur tidak mungkin boleh menjadikan projek tersebut viable, tetapi kalau di Putrajaya, once it's been approved, siapa-siapa pun boleh menyusul, mengatur langkah untuk jadikan usahawan macam setengah-setengah pihak yang berjaya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Ibrahim, berhenti sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan 6(3) saya dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Tuan Ding Seling untuk mempengerusikan mesyuarat.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak banyak lagilah, beri peluang kepada rakan-rakan lain.....

**Tuan Ding Seling:** Teruskan.

**Datuk Haji Ibrahim bin Ali:** Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini, iaitu hendak mengambil kesempatan di sini untuk menyatakan setinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri. Jabatan Hasil Dalam Negeri di bawah Ketua Pengarah Tan Sri Abu Bakar. Beberapa hari ini saya baca dalam akhbar, melalui pegawai-pegawainya dapat mengesan dan bertindak kepada golongan-golongan tertentu yang cuba lari dari membayar cukai termasuk orang-orang asing. Sehingga baru-baru ini ada seorang ditahan pasportnya mampu membayar cukai RM800,000, saya baca dalam akhbar. Ini saya ucapkan tahniah kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri dan kalau ini satu sahaja, saya percaya ramai lagi yang ada ni, yang memang kita tahu terutamanya syarikat-syarikat yang dapat projek-projek besar, yang dapat banyak saham, yang memang banyak syarikat-syarikat listed dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Jadi, mereka ada tanggungjawab untuk membayar cukai.

Saya berharap pihak-pihak swasta dan usahawan dan semua pihak rakyat bertanggungjawab untuk kita menunaikan tanggungjawab. Saya ucap tahniah kepada kesungguhan pegawai-pegawai di Jabatan Hasil Dalam Negeri. Mereka patut diberi pujian dan galakan dan motivasi yang lebih dan saya percaya dengan Jabatan Hasil Dalam Negeri yang akan diperbadankan, ya

tidak? Pada awal tahun hadapan, mungkin pungutan cukai dan peranan Jabatan Hasil Dalam Negeri akan lebih hebat daripada masa sekarang ini terutamanya mengesan yang langsung tidak mahu bayar cukai ini, yang hanya semata-mata mahu kaut sahaja sedikit pun tidak hendak share dengan kepentingan nasional dan juga satu tanggungjawab undang-undang kepada negara kita.

Dan yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merumuskan di sini, yang akhir sekali saya ada menyebut baru-baru ini diwaktu perbahasan peringkat Supplementary Bill baru-baru ini, sekali lagi saya hendak mengulangi gesaan saya supaya dipotong sebanyak 50% peruntukan wajib kepada Kerajaan Kelantan sebagai cara membayar hutang yang tertunggak begitu banyak. Sebab, kalau pun kita potong 50% saya percaya tidak menjadi masalah, dua sebab saya kata tidak jadi masalah. Satu, projek-projek yang dibuat melalui pinjaman dahulu di waktu Barisan Nasional memerintah, projek-projek itu masih berjalan dan mereka enggan bayar hutang tetapi kita compensate dengan cara kita potong 50%, mereka boleh ambillah, jalanlah projek-projek sebab mereka tidak mahu bayar. Potongan sekarang tidak cukup dan tidak cukup memberi kesedaran dan pengajaran kepada mereka ini yang tidak berterima kasih dan memutarbelitkan fakta di atas sikap tanggungjawab Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Kelantan, mereka menafikan, mereka menafikan bahawa mereka tidak bayar hutang, mereka mengatakan negeri lain banyak hutang, mereka benar-benar tidak bertanggungjawab dan mereka ini sudah mengatakan, pemimpin-pemimpin PAS sudah mengatakan dalam apa keadaan pun, mereka

kata mereka tidak jadi masalah tetapi hari ini kita tengok mereka tidak bayar hutang, bayar pun disebut RM5 juta sahaja baru ini sekali, bila sudah bising, hendak bayar cek sudah ready dah RM10 juta hutang RM400 juta lebih. Itu yang dikira, mungkin ada lagi yang lain-lain, tetapi walau bagaimanapun bila saya kata potong ini tidak bererti rakyat Kelantan akan merana. Yang selebih itu tadi boleh beri kepada rakyat Kelantan tetapi melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan, dilipat gandakan projek. Tujuannya hendak menyedarkan pemimpin-pemimpin yang tidak bertanggungjawab ini, yang tidak mengerti berterima kasih dan mengakui hakikat bahawa setakat ini Kerajaan Pusat tidak pernah menganiayai Kerajaan Negeri Kelantan.

Saya harap ini juga perkara-perkara dasar yang harus ditimbang dengan cara serius dan memerlukan keputusan yang berani, a bold decision oleh Kerajaan Pusat dan saya akan menyokong sepenuh dan mendokong sepenuhnya keputusan ini sebab saya percaya kalau beri pun mereka menjalankan projek-projek pembangunan, pilih kasih dan hanya kepada penyokong-penyokong mereka sahaja dan manakala kita lihat mereka pun sendiri naik gaji baru-baru ini. Bila Kerajaan Pusat cadang naik gaji, menerima tuntutan CUEPACS termasuk Ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara pun naik sedikitlah, sama dengan pegawai-pegawai kerajaan di Dewan Rakyat mereka diam, bila balik kampung mereka bersyarah, mereka mengatakan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ini tidak prihatin kepada rakyat, apa ini, gaji naik rakyat di kampung miskin, macam-macam lagi cerita rethoric mereka ini tetapi di masa yang sama setelah keadaan reda dan tenang tanpa disedari mereka juga membenteng Rang Undang-undang Kenaikan Gaji untuk Menteri Besar dan Wakil-wakil Rakyat di Kelantan baru-baru ini. Hutang tidak bayar, sepatutnya sebagai pejuang-

pejuang Islamlah kalau betul-betul pejuang Islam yang mereka sebut contoh-contoh dulu, kita juga tahu dari segi sejarah Islam, para khalifah-khalifah, para pejuang-pejuang Islam dahulu ataupun hendak jadi Mahatma Gandhi, makan roti sekeping sehari gaji tidak payah ambil, khidmat kepada rakyat, jimatkan perbelanjaan bayar hutang dan buat pembangunan untuk rakyat Kelantan.

Itu Tuan Yang di-Pertua, memang banyak lagi yang saya hendak sebut di sini, Tuan Yang di-Pertua tetapi saya kira saya sudah bercakap semalam, dan hari ini pun saya sudah bercakap saya minta maaf kepada rakan-rakan yang lain kerana terlanjur sedikit, bercakap ini mengambil masa yang lebih. Walau bagaimanapun, saya percaya apa yang saya bangkit ini sebagai suatu perkongsian dengan rakan-rakan saya dalam Dewan Negara ini dan berharap benar-benar mendapat perhatian daripada pihak kerajaan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormt Menteri Kewangan yang telah membentang Belanjawan yang cukup hebat ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput tuan M.G. Pandithan.

**4.09 ptg.**

**Tuan M.G. Pandithan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri Malaysia yang kita kasihi dan sanjung tinggi dan juga Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang kita mempunyai keyakinan dan harapan kerana kedua-dua pemimpin utama ini menaruh kepercayaan dan keyakinan terhadap IPF (Indian Progressive Front) parti alternatif kepada MIC dan sudi melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu hadiah kepada lebih setengah juta ahli-ahli dan penyokong-penyokong terdiri daripada golongan rendah, golongan miskin, golongan buruh kasar, golongan estet yang telah bekerja keras bertungkus lumus untuk mencatat satu kemenangan yang amat besar dalam

pilihan raya umum yang telah diadakan pada April lalu. Walaupun, buat sementara.....

**Tuan Marimuthu:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, Tuan Marimuthu hendak minta laluan.

**Tuan M.G. Pandithan:** Ya.

**Tuan Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada parti alternatif MIC, MIC juga parti kaum India, saya minta jangan gunakan parti alternatif MIC.

**Tuan M.G. Pandithan:** Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Sila, teruskan.

**Tuan M.G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun buat sementara IPF berada di luar Barisan Nasional, tetapi parti itu diberi tempat di dalam Dewan Negara, kerana wujud sistem consensus. Secara teknikal IPF berada di luar Barisan Nasional, tetapi secara nadi dan jiwa, IPF berada di dalam Barisan Nasional. Itulah sebabnya pucuk pimpinan Barisan Nasional Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad melantik saya sebagai seorang Senator. Parti berada di luar Barisan Nasional, tetapi Presidennya berada di dalam Dewan Negara. Ini adalah satu sejarah, satu testimonial dan pengiktirafan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad kerana IPF telah membuktikan keikhlasan dan kejujuran semasa pilihan raya umum.

Saya sekali lagi berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana memberi saya nafas baru kepada career politic saya dan juga peluang keemasan untuk kembali ke Dewan yang mulia ini selepas sembilan

tahun saya dipecat daripada MIC kerana melancarkan kempen puasa dan membawa keranda. Saya telah membangun daripada keranda itu dan kembali ke Dewan yang mulia ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan

Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana competence, efficient, effective, aggressive dan dinamik dalam urusan ekonomi dan kewangan negara. Beliau telah mengambil kira segala aspek 'A to Z' dengan izin, sebelum beliau menyediakan dan membentangkan Budget dalam Dewan ini. Budget ini boleh dianggap, dengan izin, 'a caring Budget for a caring society by a caring Finance Minister of the caring Barisan Nasional Government.'

Banyak tumpuan utama diberi kepada simpanan ataupun saving. Ini adalah amat penting kerana negara kita kaya dan semua orang ada banyak wang. Terima kasih kepada kewibawaan politik Dato' Seri Dr. Mahathir dan policy liberal beliau, ekonomi tumbuh dengan lebih pesat dan agresif. Dato' Seri Dr. Mahathir boleh diibaratkan 'the golden era of Dr. Mahathir,' kerana ekonomi sekarang kukuh, politik stabil dan semua orang senang dan selesa, dan dengan banyak 'cash flow.'

Pihak pengguna mempunyai tendency untuk membeli-belah apa jua dengan sewenang-wenangnya. Ini adalah satu trend dan tendency yang sangat

merbahaya. Jika kerajaan tidak mengambil tindakan segera untuk menghentikan trend ini, maka sasaran kerajaan untuk mencapai inflasi sifar akan menemui kegagalan. Ini akan membawa banyak kesan buruk terhadap ekonomi negara dan kehidupan sosio-ekonomi rakyat Malaysia. Jika ini diizinkan berlaku, usaha-usaha kita untuk membangunkan negara dan cita-cita kita untuk mencapai Wawasan 2020 akan dibinasakan. Maka bumi Malaysia, bumi ibu kita yang kini menjadi bumi syurga akan menjadi neraka.

Pihak kerajaan, pihak community business dan pihak consumer memikul tanggungjawab berat untuk bekerjasama rapat dan mencapai sasaran inflasi sifar. Ke arah ini, kerajaan harus membaharui usaha dan tenaga dan menjalankan kempen agresif untuk mempertingkatkan kesedaran terhadap pihak pengguna. Adalah tanggungjawab pihak pengusaha membantu kerajaan mengawal dan mengawasi inflasi. Tidak baik community business hanya mementingkan keuntungan. Pihak Kementerian Penerangan dan media massa boleh memainkan peranan penting dan positif tentang inflasi dan simpanan.

Pada masa kini, peranan dimainkan oleh TV1, TV2 dan TV3 untuk mempertingkatkan kesedaran tentang simpanan ataupun inflasi tidak memadai dan memuaskan. Sebenarnya, media elektronik dan media cetak melawan satu sama lain dan mengiklankan berbagai-bagai barangan dan jualan untuk menggalakkan pihak consumer membeli-belah terutama di kalangan wanita dan kanak-kanak.

Saya minta pihak Kementerian Penerangan berjaga-jaga sebelum membenarkan iklan-iklan disiarkan dalam TV. Harus Kementerian Penerangan mengambil perhatian terhadap iklan-iklan yang memperdayakan consumer. Saya harap kerajaan pada keseluruhannya semua kementerian-kementerian mengawal dan mengawasi dalam segala aspek dan memainkan peranan lebih aktif, lebih positif dan agresif untuk menggalakkan simpanan untuk kebaikan negara kita.

Skim Employees Provident Fund (KWSP), dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, memainkan peranan yang amat penting dan positif terhadap simpanan. KWSP membawa banyak manfaat kepada golongan miskin, terutamanya dalam kalangan pendapatan rendah apabila mereka bersara. Mewajibkan pekerja-pekerja simpan dalam Skim KWSP mengurangkan banyak masalah sosio-ekonomi. Tetapi saya rasa kesal kerana masih ada banyak majikan yang bermain 'monkey tricks', dengan izin, dengan pihak KWSP ini. Saya mendesak kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap majikan-majikan yang tidak mengelak skim KWSP. Kerajaan tidak akan mengkompromi dengan antinasional ini yang tidak mematuhi undang-undang. Sudah tiba masanya kerajaan mengemaskinikan dan ubah suai untuk memperluaskan perkhidmatan skim KWSP ini kepada pekerja-pekerja.

Saya mencadangkan kepada kerajaan mewajib skim insurans melalui KWSP supaya semua pekerja-pekerja sudah pasti mempunyai polisi insurans. Ini akan menguntungkan pekerja-pekerja apabila sesuatu yang tidak baik

'misfortune' dengan izin, berlaku kepada mereka skim ini boleh membantu mereka.

Skim SOCSO yang kita sedia ada sekarang tidak begitu efektif. Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, a caring Finance Minister of the caring government mewajibkan skim insurans melalui KWSP supaya skim KWSP lebih lengkap, lebih mantap untuk menghadapi segala cabaran dunia industri moden ini. Adalah tanggungjawab kerajaan untuk menjadi suatu contoh kepada rakyat untuk menggalakkan simpanan dan mengawal inflasi. Ini bermakna kerajaan seharusnya menjalankan hanya projek-projek yang membawa manfaat kepada rakyat dan negara. Kerajaan akan membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk projek Sepang International Airport, Puterajaya dan lain-lain projek.

Walaupun pihak tertentu mendakwa kerajaan membazirkan dengan projek-projek mewah, saya mengucapkan syabas kepada kerajaan untuk melaksanakan projek-projek seperti Sepang International Airport dan sebagainya. Malaysia perlu lapangan terbang ultra moden dan setaraf dengan mana-mana negara maju seperti Heathrow Airport, Kennedy Airport dan sebagainya, kerana kadar pelancongan Malaysia semakin meningkat lebih agresif dan akan bertambah.

Saya ingin mengambil peluang ini untuk merayu kepada Kabinet terutamanya Dato' Seri Anwar Ibrahim supaya mencadangkan kepada Kabinet supaya Sepang International Airport diberi nama Dato' Seri Dr. Mahathir International Airport seperti mana kita dapati di Amerika Syarikat, Cape-

Kennedy International Airport di Amerika Syarikat dan Indira Ghandi International Airport di New Delhi.

Saya bersetuju dengan pendapat seorang arif bahasa Tamil, Aringeh Runwao, dengan izin, praise a man when he is alive. Saya berdoa kepada Tuhan agar dilanjutkan usia Dato' Seri Dr. Mahathir supaya beliau hidup dengan penuh sihat dan meneruskan perjuangannya untuk mencapai Wawasan 2020. Dato' Seri Dr. Mahathir adalah wira Malaysia, wira dunia dan harimau Asia, di kaca mata dunia Mahathirlah Malaysia, Malaysialah Mahathir. Bapa Wawasan ini telah meletakkan batu asas Wawasan 2020 untuk membawa Malaysia ke tahap negara industri pada tahun 2020.

Saya berharap Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim yang mengeluarkan wang untuk projek Sepang International Airport dan juga Kabinet akan menerima cadangan ini dan memberi nama kepada Sepang International Airport sebagai Dr. Mahathir International Airport.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memperuntukkan berjuta-juta ringgit untuk mempertingkatkan mutu sukan negara tetapi rakyat Malaysia merasa kesal dan kecewa kerana usaha-usaha kerajaan tidak membuahkan hasil dan mutu sukan merosot begitu teruk. Baru-baru ini Malaysia kalah di tangan Myanmar, Philippines, Vietnam dan sebagainya dalam Sukan SEA di Chiang Mai. Kalau saya seorang diktator, saya akan arah 'firing squad' tembak mati semua pemain-pemain dan pelatih-pelatih termasuk managers, assistant manager dan semua yang telah pergi ke Chiang Mai.

Pada satu ketika dahulu Malaysia telah menjadi juara bola sepak Asean, juara badminton dunia dan mutu sukan hockey olahraga setaraf dengan beberapa negara di dunia. Hari ini dalam arena sukan Malaysia menjadi bahan ketawa, apa pasal? Apa sudah jadi, inilah soal yang ditimbulkan oleh semua lapisan masyarakat. Sudah sampai masa untuk membawa perubahan drastik kepada semua badan-badan sukan nasional dari atas ke bawah, from peak to toe, dengan izin, dari Presiden ke office boy, termasuk pemain-pemain dan pelatih-pelatih digantikan. Hanya dua orang pemimpin Dato' Seri Dr. Mahathir dan Dato' Seri Anwar Ibrahim boleh menyelamatkan sukan negara kita. Dulu Malaysia menjadi raja bola Asia dan juara badminton dunia, pada masa itu Allahyarham Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri telah menjadi Presiden FAM dan timbalannya Allahyarham Tun Haji Abdul Razak telah menjadi Presiden BAM dan juga Presiden Hockey Association. Dalam bahasa Inggeris, orang kata, 'history repeats', dengan izin, sejarah mengulangi dan ke arah saya bagi pihak rakyat Malaysia khasnya orang yang sayang kepada sukan merayu kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bersetuju menjadi Presiden FAM dan selamatkan sukan bola sepak negara kita.

Saya merayu kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim juga untuk menjadi Presiden BAM dan Hockey Association dan selamatkan sukan badminton dan hoki. Saya juga merayu kepada Dato' Seri Dr. Siti Hasmah untuk membantu negara kita untuk menyelamatkan sukan negara kita. Malaysia akan mengadakan Sukan Komanwel pada 1998. Adalah tanggungjawab rakyat

Malaysia untuk menjayakan Sukan Komanwel. Adalah tanggungjawab pemain-pemain, pelabih-pelatih dan atlet-atlet untuk menang banyak pingat emas dalam semua acara dan mempertahankan imej dan maruah kita supaya bendera Malaysia berkibar dengan bangganya. Sekian.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput Tuan Janggu anak Banyang.

**4.26 ptg.**

**Tuan Janggu anak Banyang:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, izinkan saya untuk memberi ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim kerana telah berjaya membentangkan Belanjawan 1996 yang menyeluruh bagi rakyat Malaysia dan memberi kesan kepada negara-negara jiran dan seluruh dunia khususnya.

Dengan pandangan jauh sebegitu, maka Wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu dengan masyarakat penyayang yang diserapkan dengan nilai-nilai moral yang tinggal dalam masyarakat demokratik, liberal, toleransi, kedudukan ekonomi yang kukuh, progresif dan maju dalam keadaan ekonomi yang dinamik, berasing dan 'robust' sudah tentu akan dicapai. Di samping itu, ada di antara kita sudah melihat tanda-tanda pencapaian wawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1996 ini memberi laluan terhadap peluang-peluang untuk diagihkan kepada masyarakat bumiputera luar bandar yang sudah ketinggalan dalam banyak hal. Menurut statistik 1990 kumpulan rakyat termiskin di seluruh Malaysia adalah 4%, dianggarkan lebih kurang 3.3% kumpulan tersebut terdapat di Sarawak, 8.5% di Sabah dan 2.6% di Semenanjung. Dalam statistik 1993 terdapat 314,000 orang telah didaftarkan sebagai golongan termiskin di Sarawak. 576,651 di Sabah dan sejumlah 2,371,542 orang di seluruh Malaysia iaitu adalah kumpulan termiskin tetapi bagaimana dengan mereka yang cuma lebih sedikit dari kumpulan tersebut.

Kita semua sudah maklum di lembah Sungai Rejang iaitu di kawasan Sarawak, banyak kawasan tanah yang belum diterokai, pada masa sekarang tidak terdapat rancangan-rancangan pembangunan tanah dalam kawasan ini dan punca pendapatan adalah daripada pekerjaan dari syarikat-syarikat pembalakan yang kian mengurang dan juga daripada hasil-hasil hutan yang juga berkurangan disebabkan industri pembalakan tersebut.

Saya berharap agar Kerajaan Pusat dan agensi-agensi yang berkaitan dengan menggunakan kawasan yang sudah lama diabaikan ini. Salah satu daripada bentuk pembangunan yang sudah dijalankan di sini ialah projek bersepadu seperti IADP yang direka untuk membawa kemudahan infrastruktur dan pengairan. Satu lagi cara ialah dengan program penyatuan dan pemulihan yang sekarang ini dijalankan oleh Felcra, kerajaan sepatutnya memberi intensi kepada pihak swasta untuk melabur di luar bandar di Sarawak.

Dalam tahun 70-an di bawah Rancangan Malaysia Kedua semasa pimpinan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak, satu cadangan telah dibuat untuk membangunkan kawasan di antara Kapit, Tatau, Balingian di lembah Sungai Rejang, Sarawak. Memandangkan kepentingannya implementasi Projek Hidro Bakun, kawasan tersebut boleh dijadikan sebagai tempat penetapan semula bagi mereka yang telah terlibat.

Kawasan Durin, Julau, Ngemah juga merupakan kawasan yang tidak patut diabaikan. Dengan pelaksanaan projek pembangunan tanah seperti itu sudah tentu akan membawa rakyat untuk menikmati pembangunan ekonomi dan mendekatkan mereka dengan kerajaan yang sudah tentu juga akan membawa perkembangan dalam bidang pertanian yang akan membangunkan rakyat luar bandar dan mengawal penduduk berhijrah ke bandar-bandar yang sudah sesak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga dalam pembangunan tanah yang telah diabaikan, iaitu seperti yang disebutkan tadi. Kita patut mengambil serius tentang pembangunan tanah ini. Saya merasa pembangunan infrastruktur di Sarawak juga telah ketinggalan. Tanpa pembangunan tanah dan kemudahan infrastruktur, keadaan di kawasan luar bandar Sarawak akan sentiasa ketinggalan dan Wawasan 2020 hanya tinggal kenangan sahaja.

Saya mencadangkan bahawa jumlah 408.3 juta yang telah di khaskan untuk jalan-jalan luar bandar dalam Belanjawan 1996 supaya dilanjutkan ke Sarawak juga di mana majoriti kaum bumiputera ketinggalan. Oleh sebab itu,

saya berharap kebanyakan jalan-jalan luar bandar ini yang boleh menguntungkan kesemua penduduk-penduduk di luar bandar, hanya banyak tanah-tanah yang belum dibangunkan tetapi tidak ada jalan yang telah dibina.

Oleh sebab itu, saya berharap kerajaan pusat memberi kepentingan dan pembangunan jalan-jalan, lebih-lebih lagi kepada jalan-jalan di luar bandar.

Saya telah meneliti Laporan Tahunan Audit Negara 1994, saya melihat perbelanjaan untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar sejumlah RM295.8 juta langsung tidak digunakan. Sepatutnya perbelanjaan ini harus diberi keutamaan kepada penduduk-penduduk luar bandar, oleh kerana ini penting sekali kerana mereka, selain dari sungai, mereka tidak dapat menjual hasil tanaman atau mendatangkan hasil hutan mereka ke bandar berdekatan oleh kerana tidak ada jalan-jalan kampung yang dibinakan. Oleh yang demikian, bagi mereka yang sering menggunakan jalan tersebut, saya berharap pihak kerajaan dapat meningkatkan kemudahan seperti jalan. Juga, kalau tidak ada jalan, kita tidak ada pembangunan. Oleh sebab itu jalan raya adalah penting untuk pembangunan.

Di samping itu, saya ingin juga menyentuh tentang betapa sedihnya, bahawa kita sudahpun dimaklum hanya satu 'highway' di Sarawak iaitu dari Kuching hingga ke Miri dan melintasi negara jiran kita Brunei Darussalam dan selepas itu ia menghubungi Sabah juga, tetapi kesesakkan oleh kerana hanya satu 'highway' iaitu Pan-Borneo Highway - yang menyedihkan kita ialah kita terpaksa menunggu untuk menyeberang Sungai Rejang. Kadangkala kita

menyeberang dengan menggunakan perkhidmatan feri iaitu menggunakan feri yang kecil sekarang ini. Dahulu feri yang digunakan untuk menyeberangi Sungai Rejang ini boleh memuatkan lebih kurang 18 buah kenderaan, kecuali bas dan lori, tetapi malangnya, feri-feri yang menyeberangi sungai ini hanya dua dan kecil pula tetapi dapat memuatkan 6 motokar dan hanya 4 buah lori. Kita telah dimaklumkan bahawa kereta yang menggunakan perkhidmatan feri ini untuk menyeberang Sungai Rejang, iaitu di Durin, dalam sehari perjalanan terdapat lebih kurang 900 - 1500 buah kenderaan yang menggunakan feri di Durin.

Satu lagi feri ialah feri yang menyeberangi Upper Lanang - lebih kurang sama iaitu 900 - 1,500 buah kenderaan sehari yang menggunakan kedua-dua buah feri itu. Oleh sebab itu, saya mencadangkan, kalau dapat pihak kerajaan membaiki feri yang lebih besar dan ini akan dapat membawa lebih banyak kenderaan-kenderaan seperti yang saya sebutkan tadi. Saya sendiri telah menghadapi kesesakan ini dan dalam keadaan ini kita akan mengambil masa 4 atau 5 jam menunggu giliran kita menggunakan perkhidmatan feri ini untuk menyeberang ke seberang dan sebaliknya.

Oleh yang demikian, di mana mereka yang berjalan jauh dari Kuching hendak ke Miri, mereka terpaksa menunggu 4 atau 5 jam di kawasan feri itu kerana menunggu giliran. Kadang kala orang tidak sabar hendak menunggu giliran, maka ia memotong kenderaan-kenderaan yang lain untuk menempatkan diri bagi dapat menyeberang Sungai Rejang dengan feri itu.

Oleh sebab itu, pergaduhan akan berlaku kerana memotong giliran orang lain. Saya berharap kerajaan patut mengambil tindakan serius untuk mengatasi masalah ini, oleh kerana menjelang Krismas tidak lama lagi, di samping Tahun Baru, Tahun Baru Cina dan Hari Raya yang memungkinkan lebih banyak lagi kenderaan-kenderaan akan menggunakan kedua-dua feri ini untuk menyeberangi Sungai Rejang ini. Untuk mengatasi masalah ini, saya harap kerajaan mestilah mengambil serius terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, seperti yang kita semua maklum, kesihatan juga adalah merupakan daya kerja yang penting. Terdapat banyak tempat di luar bandar di Sarawak tidak mendapat kemudahan tersebut, yang ada cuma mempunyai kemudahan yang tidak mencukupi. Salah sebuah pekan kecil contohnya, Pekan Julau sudah sepatutnya mempunyai hospital daerah pada masa sekarang. Dengan memberi kemudahan hospital di peringkat daerah, jumlah doktor mengikut kadar penduduk, keadaannya akan bertambah baik. Ini bermakna rakyat akan mendapat kemudahan perubatan yang lebih baik dan menjimatkan kerana tidak perlu pergi ke bandar untuk mendapat rawatan. Saya juga ingin mencadangkan supaya Pusat Kesihatan Masyarakat ditubuhkan di luar bandar dan yang sudah ada diperbaiki. Saya berharap jumlah yang diperuntukkan iaitu RM593.6 juta untuk kesihatan dalam Belanjawan 1996 juga dapat dibahagikan untuk rakyat di Sarawak.

Saya ingin menyentuh juga dalam bidang ini, setakat ini Hospital Kecil Julau hanya mempunyai seorang doktor, satu klinik kesihatan alam sekitar dan satu ambulans dan satu pasukan kesihatan kampung. Ini tidak mencukupi oleh kerana Klinik Kesihatan Julau ini, yang diletak di hulu sungai, terpaksa

merujuk pesakit-pesakit mereka ke Klinik Kesihatan Julau kerana Klinik Kesihatan Julau ada seorang pegawai perubatan sahaja.

Saya terpaksa merujuk pesakit, kawasan saya Sarikei atau Hospital Sibul kerana tidak ada alat-alat diagnosis yang mencukupi di tempat pegawai perubatan bertugas. Pegawai Perubatan Kesihatan Julau juga hanya boleh memberi pengangkutan untuk merujuk pesakit tersebut. Terdapat lima buah klinik kesihatan yang merujuk pesakit ke Klinik Kesihatan Julau iaitu Klinik Kesihatan Insiring, Klinik Kesihatan Maung, Klinik Kesihatan Entabai, Klinik Kesihatan Sekalong dan Klinik Kesihatan Lasi.

Semua ini jumlah penduduk daerah mengikut banci dalam tahun 1990, ianya lebih kurang 30,213 dan daripada 285 buah rumah panjang yang menggunakan klinik kesihatan ini. Saya berharap, klinik kesihatan ini akan dapat diberi perkhidmatan yang lebih sesuai untuk menampung kegunaan penduduk-penduduk di luar bandar. Setakat ini, pegawai perubatan hanya satu sahaja. Pembantu perubatan dua sahaja. Malangnya sepatutnya ada farmasi. Farmasi tidak ada pekerja. Belum ada. Juruteknologi makmal sepatutnya dua sekarang pun tidak ada. Jururawat kesihatan sepatutnya satu, tidak ada. Jururawat tidak ada. Jururawat masyarakat - enam. Penolong pentadbir rendah tidak ada. Receptionist pun tidak ada. Pembantu kesihatan awam hanya satu.

Inilah saya berharap Kementerian Kesihatan akan memberi kepentingan kepada rakyat dan klinik kesihatan rakyat di luar bandar lebih-lebih lagi di kawasan Julau.

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tanggungjawab sesebuah kerajaan untuk memberi kemudahan perumahan juga kepada semua rakyat. Saya berasa lega apabila Belanjawan 1996 telah menambah peruntukan projek perumahan kos sederhana dan rumah murah daripada RM3.4 bilion dan sejumlah RM453.8 juta lagi perumahan rumah murah tetapi setakat ini, kemudahan tersebut cuma diperluaskan di kawasan bandar dan di peringkat daerah. Saya percaya rakyat di luar bandar berhak mendapat kemudahan yang sama. Oleh itu, saya menggesa kerajaan untuk memberi perhatian yang lebih serius dalam hal ini terutama di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, masalah sekolah-sekolah dan kemudahan yang terdapat di luar bandar sering kali dibangkitkan. Saya berharap perkara tersebut tidak boleh dipandang ringan kerana keadaan di Sarawak nampaknya tidak berubah. Bagi kita bumiputera, kejayaan dalam sosio-ekonomi dan pencapaian Wawasan 2020 bergantung kepada kecemerlangan dalam bidang pendidikan dan kemahiran tenaga kerja. Oleh itu, kemudahan yang lebih baik untuk sekolah-sekolah dan pendidikan khasnya patut selaras di antara bandar dan di luar bandar.

Adalah menjadi harapan kami untuk melihat kemajuan pelajar-pelajar dan di Hulu Batang Rajang mempunyai prestasi yang meningkat. Saya mencadangkan pihak yang berkenaan membuat usaha untuk membangun kemahiran pemikiran semasa pendidikan prasekolah dan justeru itu, menubuhkan lebih banyak lagi tadika terutama di luar bandar.

Pada pandangan saya juga, adalah patut pihak kerajaan mencepatkan pembinaan sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah vokasyenal di luar bandar. Bagi mereka yang tidak mendapat tempat di bandar, di samping itu kemudahan untuk guru-guru di luar bandar mestilah dilengkapi dengan kediaman adalah sungguh mengaibkan dan cuma lebih baik daripada reban ayam.

Pihak berkenaan bertanggungjawab membaiki keadaan ini dengan memberi kemudahan perumahan yang sempurna. Pengangkutan, kemudahan rekreasi dan elaun-elaun khas untuk para guru tersebut. Tanpa semua kemudahan tersebut, maka mutu pendidikan di luar bandar tidak akan berubah.

Tuan Yang di-Pertua, kemudahan rekreasi yang terdapat di luar bandar memang selalu diabaikan. Kebanyakan rakyat di luar bandar tidak mematuhi tentang kegunaan kemudahan rekreasi. Saya percaya semua rakyat berhak menikmati pembangunan yang Malaysia telah capai. Kemudahan tersebut bukan sahaja untuk memberi kesenangan kepada penduduk setempat malah boleh mendatangkan pekerjaan bagi mereka. Ini adalah selaras dengan usaha Kementerian Kebudayaan, Seni dan Pelancongan untuk promosi ekotourism yang kian popular di kalangan pelancong dalam dan luar negeri.

Saya percaya pendapatan daripada pelancong dalam negeri dapat ditingkatkan kepada 8.9 juta iaitu melepasi pendapatan yang diperolehi dalam tahun 1994 jika semua kemudahan tersebut dipertingkatkan. Di samping itu,

rakyat Malaysia akan berbangga dengan keindahan negara sendiri dan melancong di negeri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1996 menghapuskan cukai bagi sumbangan wang pencen. Premium bagi insurans nyawa telah dinaikkan kepada jumlah maksimum RM7,000 bagi tujuan perkhidmatan premium pendidikan dan perubatan. Bagi saya, ini adalah tidak mencukupi dan saya mencadangkan agar ianya dinaikkan kepada RM10,000 atau RM15,000. Ini adalah tanggungjawab kerajaan untuk membina masyarakat penyayang. Pada masa sekarang adalah kebiasaan golongan pendapatan sederhana dan pendapatan tinggi untuk mengambil polisi insurans pendidikan dan perubatan.

Dengan bertambahnya jumlah pelajar sekarang, adalah agak sukar untuk mendapat biasiswa dan adalah penting bagi ibu bapa untuk mengambil polisi tersebut bagi keperluan masa depan mereka. Oleh yang demikian, penghapusan cukai tersebut akan mendapat kebaikan untuk semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara tersebut tadi perlu diberi perhatian dengan segera oleh kerajaan, tidak teragak-agak daripada tahun 2020 dan kita semua ingin melihat wawasan tersebut dicapai oleh masyarakat Malaysia yang maju, makmur dan bersatu. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput Puan Kelsom binti Yaacub.

**4.49 ptg.**

**Puan Kelsom binti Yaacub:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih saya kepada

ucapan Belanjawan 1996 daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia bagi membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1996 di Dewan Rakyat pada 27hb. Oktober.

Saya berasa bangga di atas ucapan Belanjawan 1996 itu yang berjaya menyentuh pelbagai perkara yang telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan dalam mentadbir negara tercinta ini terutama mengenai prihatinnya kerajaan terhadap pekerja-pekerja berjawatan rendah dengan mencadangkan peruntukan sebanyak RM2 bilion untuk tujuan pelarasan gaji.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. erana dengan izinNya juga saya telah diberi kekuatan untuk membaca dan mentafsir Ucapan Belanjawan 1996 ini dengan melihat beberapa pendekatan yang dirasakan perlu mendapat perhatian serius dari kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Perbekalan 1996 yang adil dan menepati citarasa rakyat jelata, negara sudah pasti dapat menikmati kemakmuran jangka panjang, keamanan yang berkekalan dan kestabilan politik yang terus dimantapkan. Saya ingin menyentuh mengenai penerusan agenda pembangunan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan cara kerajaan mengangkat martabat wanita di negara ini dengan suami atau isteri diberi pilihan untuk menikmati pelepasan cukai anak dalam pengiraan cukai

pendapatan. Saya percaya, dengan adanya pendekatan ini, sudah pasti kedudukan wanita dalam masyarakat Malaysia terjamin keadilannya.

Walau bagaimanapun, wanita masih tetap wanita. Masih ramai wanita dianiaya, baik oleh suami sendiri, oleh keluarga sendiri, mahu pun oleh majikan sendiri. Penderaan seksual adalah paling ketara sekali, terutama di bandar-bandar besar. Wajar kerajaan menubuhkan satu Kementerian Pembangunan Wanita kerana peranannya kelak lebih khusus membela nasib wanita. LPPKN harus dijadikan sebagai jabatan kerajaan di samping Unit HAWA di Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat diperbesarkan untuk memastikan wanita benar-benar mendapat keadilannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat wanita Malaysia masih tertinggal jika dibandingkan dengan rakan-rakan mereka di luar negara, terutama di negara maju. Peranan wanita cukup ter-tonjol dan terbukti menjadi pelengkap dalam sistem pemerintahan negara. Saya ingin menarik perhatian Dewan kepada nasib 90% wanita yang menjadi kakitangan Jabatan Kemajuan Masyarakat ataupun Kemas. Seramai 14,000 orang itu masih bertaraf kontrak, manakala skim gaji pula, mereka masih menikmati Skim Gaji Kabinet, sedang rakan-rakan mereka di jabatan kerajaan yang lain telah pun menikmati SSB dan kini sedang menikmati pelarasan gaji SSB. Kakitangan Kemas yang berselerak, baik di kampung, mahupun di pinggir bandar menjadi guru kepada kelas prasekolah, kelas jahitan, kelas masakan dan lain-lain masih berada di tahap amat kritikal. Saya difahamkan ianya sedang dibuat kajian untuk kakitangan

Kemas menerima satu skim baru. Tetapi cerita mengenai kajian skim gaji ini telah berlalu hampir dua tahun dan dalam Belanjawan 1996, elaun guru-guru Kemas langsung tidak disentuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh usaha kerajaan memperuntukkan sebanyak RM206 juta untuk Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), cukup besar. Cuma apa yang saya lihat, beberapa jabatan dan agensi kerajaan yang diamanahkan melaksanakan aktiviti ini tidak menyeluruh dan masih berlaku golongan termiskin tersisih dari program ini. Apa yang jelas, golongan miskin yang banyak mendapat faedah, manakala golongan termiskin masih dengan cara hidup mereka tanpa adanya perubahan sikap yang ketara.

Ada program yang hanya diberi tumpuan kepada ketua isi rumah termiskin. Ada yang membabitkan suami dan isteri dan ada yang membabitkan satu keluarga PPRT. Termiskin bukan sahaja individu, tetapi keluarga itu. Kenapa tidak sasaran pelaksanaan PPRT ditumpukan kepada anak-anak ahli isi rumah PPRT dan mereka dijuruskan ke bidang-bidang kemahiran yang mereka minati dan boleh kemudiannya membantu keluarga, misalnya bidang pertanian, perikanan, jahitan dan kraftangan ataupun menjayakan pendapatan tambahan keluarga dengan berniaga secara kecil-kecilan dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, nasib belia di negara ini masih terumbang-ambing. Banyak persatuan belia tidak aktif. Masalah belia, jika tidak segera diatasi akan menjadi bom jangka, menggugat kestabilan negara ini. Saya ingin

mencadangkan, bukan sahaja Program Rakan Muda dibuat penilaian semula, malah satu pendekatan baru untuk memajukan persatuan belia dan menjaga kepentingan belia diperhebatkan.

Dahulu, kita ada jawatan pemimpin kumpulan belia yang dibiayai oleh kerajaan negeri untuk membantu menjaga kepentingan belia. Sekarang, wajar diwujudkan pemaju belia di mana sesiapa yang menjadi ketua belia dilantik sebagai pemaju belia dengan diberi imbuhan bulanan antara RM300 ke RM450 dengan tugasnya memastikan belia di kampung mereka menikmati program kerajaan dan memahami dasar-dasar kerajaan. Jika belia ini dijaga dan mereka faham dasar-dasar kerajaan, mereka tidak akan menentang kerajaan.

Buat akhirnya, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1996. Terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin.

**4.57 ptg.**

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1996. Oleh yang demikian, saya ingin membawa Rang Undang-undang di bawah Kementerian Pendidikan sahaja memandangkan perbekalan yang diberi begitu besar sekali daripada kementerian-kementerian lain untuk menyelaraskan penjimatan belanjawan yang amat diteliti oleh Kementerian Kewangan.

Syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Kementerian Kewangan atas Belanjawan 1996. Begitu juga syabas dan tahniah kepada Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohd. Najib di atas kemajuan Kementerian Pendidikan sekarang ini. Saya perharap perbekalan Kementerian Pendidikan yang banyak ini digunakan dengan sebaik-baiknya. Saya ingin memberi satu pandangan penjimatan Sekolah Menengah Vokasional.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua aliran dan halatuju di Sekolah Menengah Vokasional. Di dalam aliran vokasional, kemasukan pelajar dari lulusan PMR yang baik berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi dengan diajar mata pelajaran akademik dan vokasional dan sijil yang dikeluarkan adalah SPMV. Apabila tamat sekolah, boleh juga terus bekerja.

Aliran kemahiran, kemasukan daripada keputusan PMR yang rendah, adalah persediaan untuk bekerja. Mereka diajar mata pelajaran vokasional sahaja dan sijil yang dikeluarkan adalah Sijil Kemahiran Malaysia.

**Penyelamat:**

Sekolah Menengah Vokasional boleh dikatakan sebagai penyelamat kepada pelajar terhadap pertengahan. Dengan memasuki Sekolah Menengah Vokasional ramai juga yang berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi terutamanya ke Politeknik, UTM dan ITM malah terdapat

juga yang dihantar terus ke universiti luar negeri. Kini ada di antara mereka yang telah menjadi tenaga profesional.

**Keputusan untuk menutup sekolah menengah vokasional:**

Dengan adanya rancangan Kementerian Pendidikan untuk menutup kesemua sekolah menengah vokasional peringkat demi peringkat dan ditukarkan kepada sekolah menengah teknik adalah sangat memmeranjatkan dan tidak dapat diterima akal. Bukan sahaja kita akan mengalami kerugian malah kepada kumpulan pelajar yang tahap pencapaian ekadematik di peringkat pertengahan dan rendah kemanakah hendak ditempatkan pelajar yang kebanyakannya bangsa kita. Bagi pelajar yang baik pencapaiannya, mereka boleh pergi ke sekolah menengah sains, sekolah menengah sains Mara, sekolah berasrama penuh, sekolah agama berasrama penuh dan berbagai-bagai lagi. Saya takut yang keciciran akan timbul lagi berlepak-lepak.

**Keputusan untuk menaik taraf sekolah menengah vokasional:**

Sekolah menengah vokasional ditukar kepada kepada sekolah menengah teknik. Apa dia naik taraf? Bagaimana yang diterbitkan melalui akhbar, pada bulan Mac hingga Oktober 1995 kerap memperkatakan yang sekolah menengah vokasional akan dinaik taraf ke sekolah menengah teknik. Dalam hal ini orang ramai tentu memikirkan yang kualiti teknologi di sekolah menengah vokasional akan dipertingkatkan dengan menggunakan teknologi canggih. Tetapi apa yang sebenarnya berlaku

adalah sebaliknya. Bukan naik taraf tetapi tukar dasar! Itulah sekolah menengah vokasional ditutup dan digantikan dengan sekolah menengah teknik. Kalaulah ibu bapa tahu akan kedudukan sebenarnya, tentu mereka juga turut amat kecewa. Ke manakah pula hendak ditempatkan anak-anak mereka yang sederhana pencapaian pelajarannya di peringkat PMR?

**Kurikulum mata pelajaran teknik di sekolah menengah teknik:**

Mata pelajaran teknik yang terdapat di sekolah teknik hanya setakat mengenal alat dan kerja amalinya kurang. Bengkel hanya ada sebuah, dua sahaja. Bidang pelajarannya boleh disamakan dengan kemahiran hidup di sekolah menengah biasa. Mata pelajaran yang terdapat di sekolah teknik sebenarnya lebih mirip kepada sains. Boleh dikatakan sekolah menengah sains sama dengan sekolah menengah teknik. Itulah sebenarnya. Empat tahun lepas ada ura-ura Kementerian Pendidikan untuk menukarkan kesemua sembilan buah sekolah menengah teknik kepada sekolah menengah sains. Sekarang ini pula terdapat di beberapa buah sekolah sains telah ada aliran teknik. Ini bermakna, sekolah menengah teknik adalah sekolah menengah sains dan sekolah menengah sains adalah sekolah menengah teknik.

**Keputusan untuk menutup sekolah menengah vokasional, pembaziran akan berlaku kepada peralatan dan mesin:**

Di sekolah menengah vokasional banyak terdapat peralatan dan mesin. Kemana hendak ditempatkan? Terdapat 30 buah sekolah menengah

vokasional dan di setiap buah terdapat 8-10 bengkel. Di setiap bengkel pula terdapat beberapa puluh mesin dan ratusan peralatan tangan. Siapakah yang akan menerima peralatan dan mesin sebanyak ini? Bagaimana pula hendak mengangkutnya? Kalau tiada tempat hendak dipindahkan maka tinggallah ia sebagai besi buruk dalam bengkel yang terbiar. Amat sayang sekalilah wang yang sudah kita belanjakan.

**Kesedaran orang kita ke bidang kemahiran vokasional:**

Dahulu orang kita tidak terdedah di bidang kemahiran vokasional kerana pada ketika itu institut swasta dipenuhi oleh pelajar-pelajar bangsa asing. Dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat barulah dirasakan kekurangan tenaga mahir dan separuh mahir. Masa inilah orang kita baru sedar akan kepentingan bidang kemahiran dan secara tidak langsung mereka mula mengenali apa dia vokasional dan kemahiran walaupun dahulu bidang kemahiran ini terdapat di IKM dan Dusun Tua. Tetapi oleh kerana ada orang yang telah matang berfikir, di sekolah menengah vokasional lepas daripada PMR mereka berpeluang pula melanjutkan pelajarannya kalau keputusan vokasional baik. Dengan kesedaran ini, maka permohonan untuk ke sekolah menengah vokasional semakin meningkat dari semasa ke semasa sehingga ramai permohonan yang ditolak.

**Kemasukan tenaga kerja dari luar negeri:**

Dengan penutupan sekolah menengah vokasional akan menyebabkan berlakunya kekurangan tenaga mahir dan separuh mahir di kalangan

penduduk tempatan. Untuk mengatasi masalah ini, kemungkinan besar pihak industri terpaksa membawa pekerja lagi dari luar negeri, Sebagaimana yang kita telah saksikan sekarang sudah terdapat beberapa buah kilang yang terpaksa mengambil pekerja asing kerana kekurangan pekerja tempatan. Pekerja di tapak bina hampir keseluruhannya dimonopoli oleh pekerja asing. Pekerja kedai makan dan mengasuh anak telah hampir separuh. Apa yang dapat diselamatkan ialah pekerja di kilang sama ada sebagai operator pengeluaran, juruteknik, supevisor dan jurutera. Apakah ini juga hendak dilepaskan?

**Kesimpulan:**

Pada penjelasan yang telah diberikan terdapat tiga cadangan yang difikir agak baik. Adalah lebih baik sekolah menengah vokasional dikekalkan dengan mempertingkatkan lagi bidang kemahiran supaya seiring dan perkembangan teknologinya mengikut semasa. Ini juga sebagaimana yang terdapat di negara German sebuah negara industri yang telah mempertingkat-tinggikan mutu sekolah menengah vokasionalnya.

Sekiranya Kementerian Pendidikan bercadang menjadikan sekolah menengah vokasional kepada sekolah menengah teknik, tidak perlu ditukar keseluruhannya, memadai setingkat bawah daripada 10 buah dengan memulakan satu atau dua dahulu, laksanakan dalam bentuk peringkat demi peringkat untuk mengelakkan pembaziran. Hanya sekolah menengah vokasional yang kurang mendapat sambutan sahaja dijadikan sekolah

menengah teknik. Contohnya, Sekolah Menengah Mu'azzam Shah, Sekolah Menengah Vokasional Kuala Lipis, Sekolah Menengah Vokasional Kota Tinggi dan lain-lain lagi yang pihak Kementerian Pendidikan lebih sedia maklum.

**Cara mengembang sekolah teknik:**

Cara yang paling baik ialah untuk menambahkan bilangan sekolah menengah teknik ialah mengubahsuaikan sekolah menengah biasa sebab segala kemudahan telah sedia ada, seperti makmal sains, guru yang berpengalaman dan buku rujukan. Apa yang perlu ditambahkan hanya pembesaran sekolah, bengkel kemahiran hidup. Dirikan sahaja sekolah baru di setiap negeri. Ini bermakna setiap negeri ada dua buah sekolah menengah teknik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan dilema ini, kedudukan pengetua telah mula terumbang-ambing. Masing-masing mula bertanya sama sendiri melalui telefon dari utara ke selatan, dari barat ke timur dan seterusnya. Ada juga pengetua yang berpeluang bertanya kepada pihak Kementerian Pendidikan tetapi jawabnya masih tergantung. Keadaan seperti anak ayam kehilangan ibu.

Bagi mereka yang tidak terlibat mungkin tidak terasa apa yang pengetua rasakan. Ramai daripada mereka telah bertugas dari 10 hingga ke 15 tahun. Setiap perkembangan sekolah ini telah dirasai. Sekarang telah menjadi sekolah rebutan dan dipandang ramai. Berat rasa hendak meninggalkan kecuali kalau ada kesalahan atau kelemahan yang dilakukan. Mengapa tidak? Dari hutan belukar menjadi padang sukan, dari sekolah yang tidak ada aturan sudah penuh

dengan berdisiplin sama ada guru-guru dan murid-muridnya. Dari penuntut yang lemah kini sudah banyak didapati penuntut yang bijak dan pandai.

Pada awal tahun 1995 ini, Tuan Yang di-Pertua, pengetua-pengetua yang 20 orang tadi telah diluluskan dan disahkan perlantikan ke tingkatan kanan. Syukur alhamdulillah, setinggi-tinggi terima kasih diberi kepada Kementerian Pendidikan. Kini rasanya sudah ada peluang untuk memangku sebagaimana yang dijanjikan kepada 14 orang pengetua. Kalau tidak dapat memangku, untuk kekal jadi pengetua di sekolah menengah vokasional pun jadilah, cukup.

Pada pertengahan tahun ini satu keputusan yang di luar dugaan telah berlaku. Semua pengetua sekolah menengah vokasional yang berlatarbelakang guru teknikal akan diturunkan ke jawatan penolong kanan kerana belum masuk zon naik pangkat. Pengetua yang berlatarbelakang jurutera tidak terlibat walaupun belum masuk zon naik pangkat. Apa yang menjadi tanda tanya sekarang apakah sebabnya pengetua sekolah menengah vokasional yang berlatarbelakang jurutera tidak terlibat? Mereka juga tidak masuk zon naik pangkat malah masih junior lagi kalau dibandingkan dengan pengetua sekolah menengah vokasional yang ditukarkan kepada penolong kanan. Kini mereka kekal di sekolah menengah vokasional iaitu pengetua Sekolah Menengah Sungai Petani, Sekolah Menengah Vokasional Balik Pulau, Sekolah Menengah Vokasional Bagan Serai dan Sekolah Menengah Vokasional Muadzam Shah, Pahang.

**Pembelaan:**

Apa yang nampak sekarang tiada pembelaan terhadap pengetua yang berlatarbelakang teknikal. Pembelaan hanya kepada pengetua yang berlatarbelakang jurutera. Ini mungkin agaknya kerana tidak ada Menteri, Pengarah dan Ketua Penolong Pengarah yang berlatarbelakang teknikal. Di Jabatan Teknikal, Kementerian Pendidikan terdapat Pengarah yang berlatarbelakangkan jurutera, maka selamatlah pengetua yang berlatarbelakangkan jurutera. Ini jelas kelihatan dan sudahpun terjadi di sekolah menengah vokasional dan di Kementerian Pendidikan sendiri.

**Kesannya:**

Di musim naik pangkat ini ada guru yang gembira amat sangat dan terdapat pula yang menangis. Gembira kerana dahulunya Penolong Kanan sekarang jadi Pengetua. Menangisnya kerana dahulunya Pengetua, sekarang jadi Penolong Kanan. Di kalangan pengetua ini ada juga yang akan bersara lagi dua tiga tahun sahaja. Mereka ini telah berkhidmat 25 tahun dengan penuh cabaran, dengan penuh kegembiraan, berbagai dugaan telah ditempuhi. Tetapi bila sudah sampai waktu hendak bersara turun pangkat jadi Penolong Kanan. Berkhidmat selama lebih 25 tahun diakhiri dengan kekecewaan. Tiada lagi jasamu dikenang.

**Kesimpulannya:**

Sebenarnya tidaklah dianiaya, cuma perbuatan dasar atas budi bicara yang telah membuat mereka begini. Walaupun sebagai Penolong Kanan, kerja tetap mereka lakukan seperti biasa. Umur pun ramai yang lebih 45 tahun.

Hendak merajuk, hendak ke mana? Tidak ada tempat. Hendak ke kilang, tidak mahu orang tua. Hendak berniaga, sudah terlalu lewat. Antara, Tuan Yang di-Pertua, rintihan yang saya pernah dengar dari kalangan pengetua dan keluarga-keluarganya begini: Pengetua di sekolah malu. Dalam hati kecilnya berkata, "Aku dengan guru-guru aku, hendak pindah, sayangkan sekolah. Jadi, tidak jadilah pindah". Pengetua bila balik ke rumah, anak bertanya, "Ayah, kita kena pindah rumah lainkah?" Kalau isteri pula yang bekerja, "Saya tumpang tanya, saya dengar orang cakap suami awak sudah turun pangkatkah?" Anak-anak di sekolah dengan rakan-rakannya, "Hei, bapa awak sudah turun pangkat ya?" Maka jawablah ibu orang tua di kampung, "Sabar sahajalah".

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya ingin bersuara kepada Kementerian Pendidikan. Kalaulah buat dasar ataupun mengalihkan dasar, ubah dasar-dasar dan sebagainya, biarlah prihatin betul-betul. Janganlah terkena, terkecewa macam yang saya sebutkan tadi. Memang betul kita tidak dapat memuaskan semua manusia di dalam dunia ini tetapi jangan terjadi macam nasib saya. Saya sudah merasa semenjak 34 tahun menjadi sebagai Penyelia. Saya terasa sedemikian. Rayuan saya tidak didengar. Jeritan batin saya, saya sendiri yang dengar, tidak siapa yang dengar. Tetapi kerja tetap kerja. Orang berkecimpung dengan mewah, gaji naik dan sebagainya tetapi saya tidak. Nama menolak kerja tidak sekali-kali.

Sekian. Saya mengucapkan terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput Tuan Tan Son Lee.

**5.19 ptg.**

**Tuan Tan Son Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Malaysia di atas pembentangan Belanjawan Negara 1996 di Parlimen pada 27hb. Oktober, 1995 yang lalu.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Malaysia kerana kepentingan rakyat diutamakan di dalam Belanjawan tersebut. Ini telah membuktikan Kerajaan Barisan Nasional begitu prihatin dalam menyediakan Belanjawan tersebut dengan meletakkan kepentingan rakyat mengatasi segalanya. Sesungguhnya Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan negara dapat dibuat begitu rupa adalah atas kestabilan, kekukuhan serta kematangan sistem politik ditambah dengan kemajuan ekonomi negara kita yang berbagai bentuk dan aliran. Kita sangat berbangga apabila Malaysia dijadikan model serta contoh yang terbaik oleh negara-negara asing di dalam menentukan bentuk politik dan ekonomi negara mereka. Pelabur-pelabur asing telah masuk ke negara ini bagi melabur serta menggalakkan usaha sama dengan pelabur-pelabur tempatan.

Kemudahan-kemudahan yang disediakan di negara ini membantu menggalakkan sektor ekonomi sekali gus mengukuhkan mata wang negara serta mengelakkan pengaliran keluar wang negara. Ekonomi Malaysia sekali

lagi mencatatkan pertumbuhan yang mantap melebihi 8% semenjak tahun 1987.

Bagi tahun 1995 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menunjukkan perkembangan pada kadar 9.6%. Bagi tahun 1996 perkembangan ini dijangka akan kekal pada kadar yang sama, iaitu 9.6% manakala Keluaran Dalam Negara Kasar bagi tahun 1996 berkembang pada kadar 12.3%, di mana pada tempoh yang sama juga, pendapatan per kapita Malaysia dijangka meningkat 9.8% kepada RM11,055 setahun. Apa yang pasti kedudukan ini adalah merupakan faktor-faktor utama yang diambil sebagai garis panduan berencanakan Belanjawan Negara 1996 dan tahun-tahun yang mendatang.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 1996 berjumlah RM55.5 bilion, dari jumlah tersebut 38% dijangka akan datang dari cukai pendapatan, 25% daripada cukai tidak langsung, 21% daripada hasil bukan cukai dan cukai-cukai lain, 12% daripada duti import, 2% dari pinjaman dan gunaan harta kerajaan dan 2% daripada duti eksport. Jikalau dikaji kembali peratusan dari hasil Kerajaan Persekutuan yang utama ialah cukai pendapatan.

Walau bagaimanapun, Belanjawan 1996 ini memberikan beberapa keistimewaan serta kelonggaran kepada pembayar cukai dengan pengurangan kadar tertinggi sebanyak 30%. Ini jelas membuktikan bahawa taraf hidup pembayaran cukai di negara ini sudah semakin tinggi serta bertambah dengan banyaknya. Rakyat Malaysia sudah mampu menikmati hasil negara ini melalui

penawaran pekerjaan dengan imbuhan yang lumayan serta pulangan kuasa beli yang lebih berbanding dengan beberapa tahun sebelum ini. Oleh itu, wajarlah kerajaan menetapkan satu kadar yang baru untuk pembayar-pembayar cukai melalui Belanjawan ini supaya ianya tidak membebankan, di samping dapat meningkatkan prasarana-prasarana untuk kepentingan rakyat keseluruhannya.

Menurut Belanjawan Kerajaan Persekutuan ini juga 25% akan dibelanjakan untuk emolumen, 17% untuk perbelanjaan lain, 12% untuk bayaran khidmat hutang, 11% untuk bekalan dan perkhidmatan, 10% untuk perkhidmatan ekonomi, 7% untuk pencen dan ganjaran, 7% untuk perkhidmatan sosial, 5.7% untuk keselamatan, 2.7% untuk pemberian kepada Kerajaan Negeri, 1.7% untuk pentadbiran am dan 0.9% untuk simpanan luar jangka.

Tuan Yang di-Pertua, 25% untuk emolumen adalah peratusan yang tertinggi sekali. Menurut arah perbelanjaan kerajaan di dalam Belanjawan kali ini, ini sudah pasti kerana kerajaan sentiasa prihatin dengan kedudukan kakitangan sektor awam di negara ini. Kerajaan tidak akan mengelakkan diri daripada mengkaji imbuhan kakitangan-kakitangannya dari tahun ke setahun dengan mengadakan perbincangan dengan pihak kesatuan seperti CUEPACS demi menjaga kebajikan mereka. Kerajaan sentiasa memberi peluang kepada pihak kesatuan untuk membangkitkan masalah pekerja supaya nikmat kemakmuran negara hasil daripada usaha mereka mendapat balasan imbuhan yang setimpal. Selain daripada itu juga kerajaan sentiasa prihatin dengan

anasir-anasir yang menanggung di air keruh. Maksud saya dengan anasir-anasir yang menanggung di air keruh ialah pihak peniaga atau pemilik-pemilik gedung-gedung perniagaan yang mengaut keuntungan apabila mendengar gaji atau imbuhan kakitangan-kakitangan kerajaan akan dinaikkan.

Saya ingin meminta supaya kementerian-kementerian yang terbabit membuat pemeriksaan yang lebih menyeluruh bagi menangani isu kenaikan harga dapat dikawal dan dibendung.

Hasil Inflasi Sifar yang diadakan pada setiap hari Sabtu pertama tiap bulan adalah wajar, tetapi perlu diamati supaya hari tersebut tidak disalahgunakan oleh para peniaga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sekali lagi kerana menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional bersikap adil serta ingin merapatkan jurang antara pemilik kenderaan mewah dengan pemilik kenderaan biasa. Apabila menaikkan cukai jalan kereta-kereta mewah melebihi 2,000 c.c. kepada 25%, ini jelas membuktikan juga bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mahukan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian menerima untuk rakyat seluruh jiwa raga dapat perlu memikirkan untuk memiliki kereta-kereta mewah. Apabila kesedaran ini wujud di dalam sanubari barulah Ahli-ahli Yang Berhormat berasa megah kerana Ahli-ahli Yang Berhormat telah sebenarnya menjadi ahli-ahli yang berkhidmat. Kepuasan rakyat adalah kepuasan kita bersama. Kebijaksanaan kerajaan terselah apabila menaikkan kadar caruman pekerja dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dari 10% kepada 11% mulai Januari 1996 ini. Kenaikan ini dikira

wajar supaya pekerja dapat meningkatkan tabungan wajib mereka untuk kegunaan masa hadapan.

Saya pasti ramai yang gelisah dengan kenaikan ini, kerana pada sangkaan mereka ianya membebankan, tetapi kalau diteliti sebaliknya, ianya menguntungkan dalam jangka masa panjang, lagi pun ianya satu cara untuk mengelakkan melakukan pemborosan serta pembaziran.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha kerajaan dalam meninggikan pertumbuhan ekonomi negara juga berkait rapat dengan hasrat kerajaan melahirkan masyarakat penyayang, kegiatan ekonomi yang menyeluruh sama ada di bandar mahupun di desa menampakkan cita-cita kerajaan itu. Sesungguhnya kegiatan ekonomi akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat sekali gus mengelakkan berlakunya pengangguran serta penyakit sosial yang boleh meruntuhkan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Belanjawan Negara 1996 telah diadun dengan teliti merangkumi semua aspek mengambil kira kepentingan masyarakat. Oleh yang demikian, saya rasa Belanjawan ini munasabah ke arah membina sebuah negara maju yang menuju wawasannya iaitu Wawasan 2020.

Dengan ini saya sokong penuh Rang Undang-undang Perbekalan 1996. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput Tuan Haji Abdul Salam bin Awang.

**5.31 ptg.**

**Tuan Haji Abdul Salam bin Awang:** Bismillahir Rahmanir Rahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kerana

memberi peluang kepada saya untuk membahar bersama Rang Undang-undang Akta Perbekalan Tahun 1996 yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dalam Dewan ini dan yang juga dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan Malaysia di Dewan Rakyat sebelum ini.

Belanjawan tahun 1996 telah pun dikemaskinikan dengan begitu rupa dan cara pembahagiannya sangatlah memuaskan dan kita rakyat Malaysia sangat kagum di atas keprihatinan jemaah-jemaah Menteri yang terdiri daripada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Timbalannya Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan lain-lain Menteri dalam Kabinet Kerajaan dan atas pembahagian peruntukan yang akhirnya memberi manfaat kepada rakyat sekalian.

Semua rakyat dalam negara ini perlu mengambil manfaat daripada liputan cadangan perbelanjaan ini supaya setiap perbelanjaan yang dibuat oleh kerajaan dipergunakan dengan cara teratur dan mendapat pulangan seperti yang direncanakan oleh pihak-pihak yang berkenaan mengikut kementerian masing-masing.

Menyentuh Jabatan Perdana Menteri, beranika program telah pun dirancangan bagi membangun syiar Islam dan diharapkan mutu perkembangan rancangan ini diperhebatkan supaya rakyat Malaysia yang beragama Islam mendapat sumbangan yang sebaik-baiknya. Dengan demikian, tugas-tugas

pemimpin kita dalam lapangan agama ini dapat keredhaan Allah subhanahu wataala dan rakyat semua akan hidup dengan lebih aman sentosa dalam negara Malaysia. Jangan terjadi seperti negara-negara sahabat kita yang juga menganut agama Islam yang tidak mempratikkan dasar ini telah ditimpa bermacam-macam dugaan yang tidak diingini seperti gempa bumi, peperangan di antara sesama sendiri dan lain-lain bencana alam. Sehingga hari ini dan seterusnya diharapkan kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dapat layani kehendak-kehendak Islam dengan sempurna supaya negara kita mudah-mudahan akan lebih maju dan membawa kesan yang baik kepada rakyat negara dengan izin Allah.

Menyentuh pembasmian kemiskinan, banyak lagi rakyat kita di luar bandar belum lagi dibela dengan cara memuaskan dan diharap Program PPRT dapat disesuaikan dengan lebih teliti supaya kumpulan-kumpulan yang kurang bernasib baik itu dibela dengan sewajarnya.

Pada masa ini ramai di kalangan kumpulan-kumpulan miskin ini dapat pertolongan dengan dibekalkan rumah-rumah yang bernilai lebih kurang RM3,000 tiap-tiap unit dan juga dapat menerima Skim ASB. Program ini belum lagi meliputi sebahagian besar daripada kumpulan miskin di luar bandar. Harap dapat perhatian dan tindakan yang seberapa segera.

Menyentuh usahawan bumiputera, ramai lagi yang tidak terbela walaupun kerajaan telah mengadakan bermacam-macam peruntukan bagi

pembelaan mereka. Saya berharap, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan janganlah mudah terpengaruh dengan mana-mana pihak sehingga mengeneipkan bantuan-bantuan kepada bumiputera kerana kaum bumiputera ini belum lagi menerima kematangan dan ketahanan dalam menghadapi cabaran dalam perniagaan mereka seperti kumpulan-kumpulan yang bukan bumiputera yang telah pun jauh lebih maju. Sistem tender kepada kaum bumiputera dengan keistimewaannya yang diberi kepada kumpulan berwibawa harap diteruskan dan janganlah pula meninggalkan kumpulan-kumpulan yang belum lagi dapat pengiktirafan berwibawa diketepikan. Mereka itu juga perlu dibela dengan mengaturkan program yang sepatutnya supaya diakhirnya kumpulan ini juga dapat menerima peluang-peluang yang sejajar dengan kumpulan-kumpulan berwibawa.

Banyak sungutan-sungutan dari kontraktor-kontraktor yang tidak berwibawa yang berdaftar dengan PKK bahawa mereka sukar untuk mendapat projek-projek tawaran pada masa ini. Projek-projek yang ada diutamakan kepada kumpulan berwibawa sahaja. Saya berharap kepada pihak-pihak berkenaan mengambil tindakan alternatif untuk membela yang belum mendapat wibawa itu supaya kumpulan bumiputera dapat sama-sama mengecap nikmat melalui perkembangan ekonomi yang pesat pada masa ini.

Banyak projek-projek melalui penswastan dan lain-lain cara sedang dilaksanakan di dalam negara kita dan diharap peratusan yang dikhususkan kepada bumiputera mestilah dipraktikkan dengan sebaik-baiknya kerana boleh

dikatakan keseluruhan peniaga bumiputera pada masa ini telah pun celik mata untuk membangun syarikat masing-masing dan mereka bersedia berkecimpung dalam perniagaan dengan lebih bertanggungjawab dengan penerapan kumpulan-kumpulan profesional dan mempunyai kepakaran yang tertentu dengan cara perkongsian sesama sendiri ataupun kerjasama dengan syarikat-syarikat bukan bumiputera di negara kita.

Saya juga suka menyarankan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan yang baru ditubuhkan oleh kerajaan yang portfolionya dipegang oleh Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Mohamed yang kementeriannya sedang melaksanakan bermacam-macam program untuk meninggi dan meningkatkan taraf keusahawanan kaum bumiputera di negara ini supaya usahawan-usahawan bumiputera yang ingin berkembang maju dan membangun dapat layanan yang memuaskan. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada kementerian berkenaan kerana Menteri dan Timbalannya bertungkus lumus merancang dan mengatur langkah bagi membela nasib usahawan bumiputera di negara ini.

Saya ucapkan syabas juga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalannya, merangkap Menteri Kewangan kerana memberi peruntukan yang sewajarnya kepada kementerian ini untuk menjalankan tugas-tugas yang murni untuk kaum bumiputera di negara kita dalam segi perniagaan.

Satu perkara lagi yang boleh dibanggakan melalui kementerian ini telah diadakan satu persetujuan oleh kerajaan untuk menggabungkan usahawan-usahawan bumiputera dan bukan bumiputera bagi menjalankan perniagaan di

negara kita dengan cara usaha sama dan dimestikan kedua-dua pihak bumiputera dan bukan bumiputera akan terlibat sama dari segi ekuiti dan juga pengurusan. Sehingga hari ini ramai kumpulan-kumpulan bumiputera mengambil peluang di atas dasar ini dan menghebatkan peluang cantuman yang telah diluluskan itu. Diharap lambat laun usahawan-usahawan bumiputera boleh berganding bahu dalam erti kata yang sebenarnya dan menimba pengalaman yang ditajakan itu sehingga akhirnya usahawan-usahawan bumiputera akan berdikari dan muncul sebagai kumpulan-kumpulan korporat yang maju di negara kita.

Selain daripada itu, saya sangat berbangga dengan kumpulan korporat Melayu yang telah pun berjaya dan dapat bersaing dengan bukan bumiputera. Apa yang saya harap-harapkan, kumpulan korporat bumiputera ini dapat menolong lain-lain usahawan bumiputera yang kurang bernasib baik dengan cara memberi kerja-kerja subkontrak ataupun lain-lain cara yang sepatutnya supaya mereka itu dapat juga menerima kemakmuran negara ini melalui rakan-rakan yang lebih berjaya dan yang lebih bernasib baik.

Saya berharap pihak kerajaan dapat mengarahkan kumpulan-kumpulan korporat yang berjaya itu membantu usaha demikian bagi meringankan tanggungjawab kerajaan dalam segi ekonomi ini.

Menyentuh Kementerian Pertanian, kaum-kaum tani dan nelayan perlu diatitkan program bersepadu yang boleh meluaskan lagi pendapatan mereka melalui agensi-agensi di bawah kementeriannya. Sekarang banyak petani-

petani yang tidak berkesempatan bagi mendapatkan peluang daripada pihak-pihak kerajaan, masih hidup di tahap yang lama, dan perlulah program bersepadu kementerian ini diperluaskan supaya petani-petani dan juga nelayan-nelayan akan bertukar menjadi kumpulan istimewa yang dapat menimba keuntungan yang besar seperti kumpulan-kumpulan lain yang telah pun mendapat pertolongan kerajaan, seperti usahawan-usahawan dan juga pegawai-pegawai kerajaan.

Menyentuh Kementerian kesihatan, sehingga hari ini banyak hospital-hospital dibangunkan, tetapi kakitangan seperti doktor-doktor dan jururawat-jururawat belum lagi mencukupi dengan bertambahnya pesakit-pesakit, terutama sekali di luar bandar. Selain daripada itu juga, alat-alat canggih untuk pembedahan kepada penyakit-penyakit yang kronik seperti sakit jantung, AIDS dan lain-lain belum lagi dibekalkan dengan sepenuhnya. Saya berharap pihak kementerian mengambil langkah segera dalam hal ini kerana ramai daripada pesakit, terutama di luar bandar tidak mendapat rawatan yang sebaik-baiknya.

Untuk meluaskan program perubatan ini, saya berharap kerajaan menggalakkan banyak lagi badan-badan swasta membina hospital-hospital dan institusi-institusi bagi doktor-doktor dan jururawat-jururawat dapat menimba pengalaman yang lebih luas. Dengan demikian, hospital-hospital seperti ini dapat menerima tumpuan daripada pesakit-pesakit yang mempunyai wang yang lebih dan hospital-hospital kerajaan dapatlah membuka ruang kepada pesakit-pesakit di luar bandar yang kurang bernasib baik mendapat rawatan.

Lain-lain jabatan dan kementerian tiadalah perkara-perkara yang saya hendak sentuhkan, melainkan satu lagi kementerian yang saya rasa perlu memberi tumpuan ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kementerian ini tugasnya ialah untuk membangunkan masyarakat luar bandar. Peruntukan baginya adalah besar juga, dan saya harap dengan peruntukan itu dapat menaikkan taraf hidup rakyat di luar bandar dengan mengadakan infrastruktur yang luas, seperti jalan-jalan yang baik, perbekalan elektrik yang sempurna dan bekalan air yang sebaik-baiknya, dan perlu juga kampung-kampung yang dirancangkan itu dipermodenkan seperti mereka juga dapat peluang-peluang seakan-akan mereka ini berada dalam bandar-bandar yang kecil dengan diadakan tempat-tempat rekreasi selain daripada tumpuan kepada masalah kehidupan mereka sahaja. Dengan itu, mereka dapat mengecap nikmat pembangunan negara kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telahpun dikagumi oleh seluruh dunia di atas penglibatannya dalam semua segi perancangan hidup di dunia sejangat ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput Puan Kian Sit Har.

**5.44 ptg.**

**Puan Kian Sit Har:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya memberi pandangan dalam perbahasan di bawah Rang Undang-undang Akta Perbekalan 1996. Setiap kali Belanjawan dibentangkan, sudah tentu ada pihak yang berasa gembira, begitu juga sebaliknya. Timbalan Perdana Menteri

merangkap Menteri Kewangan dalam caranya pada tahun-tahun yang lalu telah menurunkan kadar cukai yang begitu ketara, berbanding dengan pertambahan cukai. Langkah ini adalah bertujuan bagi mewujudkan masyarakat yang adil dan penyayang. Jika ini menjadi pegangan dan hasrat kerajaan dalam usaha mewujudkan masyarakat yang luhur serta mengambil berat kebajikan rakyat yang kurang berada, maka masalah-masalah yang dihadapi mereka harus diberikan perhatian masalah kaum wanita dan remaja juga diambil kira.

Penyalahgunaan dadah dan masalah-masalah sosial yang ketara, rumah kos rendah dan sederhana patut juga diberi perhatian oleh kerajaan. Hakikatnya memang susah bagi kerajaan menyediakan Belanjawan yang dapat memuaskan semua pihak. Namun, Belanjawan 1996 jelas dapati usaha kerajaan dalam menangani masalah-masalah seperti mengawal kadar inflasi, mengawal aktiviti pelaburan serta kebajikan bagi mereka yang kurang bernasib baik. Hasrat kerajaan yang murni ini harus dapat dinikmati terus oleh semua lapisan masyarakat, khasnya golongan pengguna dan juga orang ramai.

Langkah kerajaan menurunkan cukai serta menghapuskan cukai haruslah dipatuhi oleh semua pihak khasnya para peniaga. Dengan cara ini sahaja keprihatinan kerajaan dapat dirasai oleh para pengguna. Namun begitu, apa yang berlaku sekarang setiap penurunan cukai akan mengambil masa yang lama sebelum ia benar-benar dapat dinikmati oleh golongan pengguna.

Adalah dicadangkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna harus sentiasa melakukan pemeriksaan ke atas peniaga-

peniaga supaya mereka ini tidak mengambil kesempatan di atas penurunan cukai yang telah dibuat oleh kerajaan atau enggan menurun harga barangan mereka. Tanpa pengawalan yang rapi, segala faedah dari Belanjawan yang dibentang tidak akan ke peringkat akar-umbi. Di samping itu, diharapkan para peniaga akan lebih peka dan secara sendiri menurunkan harga barangan mereka tanpa memerlukan pengawasan.

Memandangkan pada masa kini kaum wanita juga berganding bahu dengan kaum lelaki sama-sama bekerja, maka langkah kerajaan dalam Belanjawan memperuntukkan pertumbuhan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak amat dialu-alukan. Langkah ini harus dipergiatkan lagi ke peringkat yang lebih luas. Tahap penjagaan di pusat-pusat ini juga harus dikawal oleh kakitangan yang terlatih. Anak-anak muda hari ini adalah pemimpin hari esok. Dengan itu, bakat serta kecenderungan mereka harus dilatih serta diasuh dari peringkat awal lagi. Rancangan Rakan Muda yang dijalankan adalah satu rancangan yang amat baik. Melalui rancangan ini, anak-anak muda diberi peluang untuk menceburi bidang-bidang yang diminati. Bagi memastikan rancangan ini mencapai objektifnya, kawalan yang rapi juga harus diadakan.

Walaupun Belanjawan kali ini dapat diterima ramai, namun masih ada ruang untuk dibaiki pada tahun-tahun yang akan datang. Kerajaan harus berusaha dalam tidak membebankan golongan yang berpendapatan rendah meningkatkan simpanan tetap negara. Ini akan membolehkan kerajaan dalam mengatasi dan menyediakan peruntukan yang besar untuk kemudahan-

kemudahan asas, kebajikan masyarakat, kemudahan pendidikan dan sebagainya.

Peruntukan RM142 bilion untuk tahun hadapan bagi perbelanjaan pembangunan adalah tidak mencukupi. Di samping itu, bidang pendidikan juga harus diutamakan. Peruntukan harus mampu menampung keperluan bagi melahirkan generasi yang berkualiti untuk menerima cabaran abad ke-21.

Akhir sekali saya ingin menarik perhatian sektor swasta bahawa dalam Belanjawan 1996 semua jenis sumbangan sama ada pendidikan atau kesihatan akan mendapat pengecualian cukai. Dengan langkah ini saya menyeru pihak-pihak swasta mengambil peluang ini dengan menabur jasa bakti kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1996 diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput Dr. Ng Yen Yen.

**5.51 ptg.**

**Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang membahaskan Belanjawan 1996 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah.

Di sini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim yang telah membentang satu belanjawan yang begitu cemerlang, progresif dan berpandangan jauh. Pada sidang yang lalu saya telah

tidak hadir kerana menghadiri Persidangan Wanita SeDunia di Beijing sebagai anggota delegasi Malaysia.

Oleh yang demikian, izinkan saya mengambil kesempatan kali ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat baru Dewan Negara pada sidang lalu dan pada hari ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kita kepada pucuk kepimpinan negara atas kejayaan dan kemajuan yang telah dicapai untuk menjadi negara kita ini makmur, aman dan sentosa.

Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan rakan-rakan dari parti UMNO di sini, saya mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan yang tercapai dalam sidang perwakilan UMNO baru-baru ini.

Kebijaksanaan dan kematangan, kepimpinan mereka begitu terserlah sekali dalam mengekalkan keharmonian dan perpaduan parti. Keamanan sesuatu negara tidaklah datang dengan sendirinya sahaja, malah ia mestilah diusahakan sepenuh hati dan daya usaha bagi memperolehinya. Malaysia adalah contoh keamanan dan keharmonian bagi negara-negara membangun, malah juga untuk negara maju.

Bagaimana keamanan boleh dicapai walaupun rakyat kita berbilang kaum, agama dan budaya? Sikap toleransi, semangat inginkan perpaduan dan visi yang dikongsi bersama adalah di antara fakta-fakta yang membawa kepada kejayaan ini.

Di arena antarabangsa, Malaysia hari ini merupakan salah sebuah negara yang disegani di rantau Asia. Pendirian Malaysia terhadap isu ujian nuklear dan pengumpulan senjata nuklear adalah jelas, kita mengutuk sekeras-kerasnya mana-mana negara-negara yang tidak sedikit pun mengendahkan bantahan-bantahan insan sedunia tentang hal ini. Sebagai negara yang mencintakan keamanan, kita tidak akan mengambil tindakan yang agresif bagi menunjukkan bantahan kita, sebaliknya kita mencari jalan yang tidak melibatkan keganasan.

Wanita Malaysia melalui NCWO telah meluluskan satu resolusi untuk memulau barangan solekan dan minyak wangi buatan Perancis. Saya menyokong resolusi ini seperti kata Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: “Pakai kosmetik buatan Malaysia pun boleh sama cantik, sama ayu”. Saya menyeru semua rakyat Malaysia .....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat, Tuan Hanipah minta laluan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Adakah dasar yang telah dibuat oleh wanita ini dengan memboikot barang-barang Perancis, Yang Berhormat sendiri juga memboikot barang-barang yang ada kaitan dengan persolekan wanita yang diperbuat di Perancis?

**Dr. Ng Yen Yen:** Jadi, mulai dari sekarang wanita kita tidak lagi memakai Christian Dior, saya pakai Zaiton *[Ketawa]* dan kita berharap juga Dato’ Haji Mohd. Zuki, Dato’ Abdul Aziz dengan semua Ahli-ahli pun

janganlah pakai Christian Dior, pakailah buatan kita, jadi, kita semua telah memboikot Christian Dior. Okay!

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat sendiri pakai apa?

**Dr. Ng Yen Yen:** Pakai Zaiton. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, mengenai negara Bosnia, kita gembira kerana persetujuan damai telah dicapai. Kita berdoa agar pelaksanaan perjanjian damai ini dijalankan dengan adil dan segera. Adalah diharap Malaysia dapat menolong membangunkan semula negara Bosnia dan mengeratkan lagi hubungan Malaysia-Bosnia dalam serba serbi bidang.

Pada hari ini, terdapat kira-kira 23,000 juta orang pelarian akibat peperangan dan rusuhan dan 75% daripada pelarian ini adalah terdiri dari wanita dan kanak-kanak. Begitu juga golongan miskin sedunia, 75% orang miskin adalah wanita, tambahan pula 2/3 bermakna 70% daripada satu bilion golongan buta huruf di merata dunia adalah wanita. Inilah di antara beberapa isu kritikal yang menjadi tumpuan Persidangan Wanita SeDunia yang telah berlangsung di Beijing bulan September lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Beijing bukanlah persidangan untuk wanita merebut kuasa atau menindas kaum lelaki. Tema Persidangan Beijing, dengan izinnya, the quality .....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Tuan Ding Seling:** Sila.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Saya masih kurang faham apakah maksud ‘keputusan wanita’ untuk membanteras kehandalan kaum lelaki?

**Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu di sini saya hendak menerangkan persidangan itu bukan merebut kuasa, sebab kita rasa pada masa sekarang kita belum dapat ‘equality’ untuk kita datang lawan dengan you. *[Ketawa]* Kita hendak dapat sampai situ dahulu. Okay!

**Tuan Ding Seling:** Teruskan.

**Dr. Ng Yen Yen:** Dengan izinnnya, ‘equality development MPs, the advancement of women towards a year 2000’ adalah menitikberatkan isu-isu global dan emergent issues serta impaknya ke atas wanita sebagai golongan yang ‘vulnerable’ atau kurang bernasib baik. Masih terdapat terlalu banyak rintangan dan halangan bagi wanita mencapai kemajuan setimpal, mendapat keadilan dan mengecap nikmat keamanan.

Persidangan Beijing telah cuba mengenalpastikan rintangan-rintangan isu dan seterusnya membuat sosial bagaimana negara-negara boleh bertindak bagi mengurangkan rintangan-rintangan ini menjelang tahun 2000. Semoga dengan berbuat demikian, dunia akan menjadi lebih aman, adil dan makmur untuk semua insan.

Tuan Yang di-Pertua, wanita Malaysia bersyukur kerana kami bernasib lebih baik. Betul, kita bernasib lebih baik, daripada situ kita tahu ramai wanita di banyak negara langsung tidak ada status, kita ada sedikit di sini. Kami diberi peluang boleh dikatakan dalam semua bidang, namun demikian, masih terdapat jurang-jurang perbezaan dan boleh dibaiki lagi kedudukan wanita golongan-golongan tertentu. Misalnya dalam bidang membuat keputusan, decision making, dengan izinnnya, wanita Malaysia hanya merupakan kurang daripada 10%. Decision making di lapisan negeri sahaja 6%. Begitu juga dalam

beberapa bidang lain seperti bidang profesional, teknikal, sains, pengurusan dan pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, jikalau kita buka semua laporan yang ada di atas meja kita, tengoklah berapa ramai wanita yang berada di Lembaga. Saya sudah tengok, di dalam 10 Lembaga, 2 orang wanita sahaja yang ada dari jumlah yang hampir 100 orang - that is less than 2%. Tuan Yang di-Pertua, ini adil atau tidak? Saya berharap di lain mesyuarat yang akan datang sekurang-kurang 20% daripada Ahli Lembaga mestilah diwakili oleh wanita. [*Tepuk*] Terima kasih. Tepuk lebih kuat sedikit supaya semua kaum lelaki memberi kerjasama. Ketidakseimbangan penyertaan lelaki dan wanita juga didapati di sektor-sektor swasta. Di sektor-sektor swasta lagi lebih 'the glass ceiling'.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan Negara ini saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua sebab Dewan Negara sahaja yang wakilnya dari wanita adalah adil sedikit iaitu 20%. Jadi, saya di sini mengucapkan tahniah kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberi kita lebih 'encouragement'.

Tuan Yang di-Pertua, kita bersyukur beberapa langkah positif telah dan sedang diambil bagi memajukan kaum wanita dalam Belanjawan 1996 ini. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, terdapat satu bab mengenai wanita dan pembangunan. Kita telah pun ada Dasar Wanita Negara dan jentera kerajaan bagi memajukan wanita seperti HAWA, NACIWID dan lain-lain. Untuk bertambah berkesan kita perlu mempunyai visi dan matlamat tertentu untuk

badan-badan berkenaan bertindak dengan sewajarnya. Kita harus mempunyai sasaran untuk dicapai menjelang tahun 2000. Dengan demikian, kita boleh menilai kemajuan dan menyelaraskan fungsi berbagai agensi termasuk agensi-agensi bukan kerajaan, dengan izin, we need a tangible, we need accessible goal for the women to participate in nation building. Pada masa sekarang kita masih ada beberapa undang-undang yang mendiskriminasikan wanita seperti The Citizenship Revision, The Distribution Act, The Guardian of Infant Act. Langkah-langkah bagi mengkaji akta-akta ini hendaklah disegerakan dan pindaan sewajarnya dibuat dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah mengambil langkah untuk mengiktiraf CIDAW (United Nation Convention on the Elimination of Discrimination Against Women). Walau bagaimanapun, Malaysia telah menyatakan beberapa reservation. Kita perlu menyemak semula reservations ini selaras dengan kemajuan yang telah dicapai oleh wanita Malaysia. Beberapa reservation ini tidak menceminkan kedudukan wanita sebenarnya atau dasar negara mengenai wanita di Malaysia. Isu keluarga tidak boleh dipisahkan daripada isu-isu keprihatinan wanita. Hakikat ini mendapat perhatian di persidangan Beijing, Copenhagen dan Cairo.

Tanggungjawab keluarga tidaklah seharusnya dipertanggungjawabkan kepada wanita semata-mata, kita perlu ada perkongsian tanggungjawab yang saksama, a partnership society, a partnership responsibility, dengan izin, di antara lelaki dan wanita dalam membina keluarga bahagia dan masyarakat

akrab. Jika tidak berbuat demikian akan timbul berbagai masalah sosial dan keluarganya. Kes-kes mendera atau mengabaikan kanak-kanak semakin bertambah. Ini merunsingkan. Kanak-kanak perlu diberi perlindungan, pendidikan dan kasih sayang.

Malaysia telah pun menyatakan komitmen terhadap hak-hak asasi kanak-kanak berdasarkan Convention on the Rights of the Child, pada bulan Julai, 1991. Usaha membendung gejala-gejala masalah sosial perlu melibatkan usaha memperkukuhkan institusi keluarga. Jika berlaku keganasan dalam rumahtangga bukan sahaja wanita, di kebanyakan negara, lelaki pun ada yang kena dera. *[Ketawa]* Jadi, kita hendak protect perkara ini juga - bukan mereka sahaja yang menjadi mangsa akan tetapi keselamatan kanak-kanak juga tidak boleh.....

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Dr. Ng, ada yang minta laluan. Diminta Yang Berhormat duduk sekejap. Silakan di belakang.

**Tuan Jangu anak Banyang:** Tuan Yang di-Pertua, mohon penjelasan. Di negara manakah lelakinya didera oleh wanita? *[Ketawa]*

**Dr. Ng Yen Yen:** Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1993 di Great Britain ada 947 kes di mana suami kena dera (947 cases in Britain in the year of 1993). Jadi, kita haraplah jangan timbul perkara itu di sini *[Ketawa]* sebab wanita Malaysia 'is more feminine' - jangan sampai memaksa kita. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kanak-kanak yang membesar dalam keluarga yang ganas, bila dewasa nanti akan menjadi seorang yang berlaku ganas terhadap keluarganya kelak. Ini psychology proven. Oleh itu kita hendaklah menyegerakan pelaksanaan undang-undang mencegah keganasan rumahtangga yang telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Disember, 1994.

Tuan Yang di-Pertua, pusat-pusat asuhan kanak-kanak yang bermutu adalah penting untuk menjamin keselamatan kanak-kanak, baik untuk ibu-ibu bekerja di rumah mahupun bekerja di luar rumah, sambil kita mengalu-alukan langkah kerajaan yang proaktif bagi mengadakan pusat-pusat asuhan kanak-kanak di tempat-tempat kerja. Response kepada seruan ini masih kurang menggalakkan seperti yang dijawab oleh Timbalan Menteri, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir iaitu 18% sahaja response - ini tidak 'satisfactory', dengan izin. Kemungkinannya perlu bagi kita mengadakan undang-undang bagi mewajibkan pihak majikan mengambil tanggungjawab ini dengan lebih serius. Dalam perancangan-perancangan pembangunan, keperluan kanak-kanak dan keluarga mestilah diberi perhatian utama dan kemudahan-kemudahan sewa yang sewajarnya diadakan dengan mencukupi.

Saya menyeru kerajaan supaya bertindak dengan lebih berkesan bagi mengawasi pusat-pusat asuhan dan pusat-pusat prasekolah seperti mengadakan program-program latihan yang komprehensif serta bertauliah untuk mengiktiraf asuhan kanak-kanak sebagai satu bidang profesional dan mengadakan usaha kerjasama antara kerajaan dan agensi bukan kerajaan bagi mewujudkan model-

model pusat asuhan yang bermutu, menjelaskan bagaimana sistem insentif kepada majikan akan dilaksanakan dan menentukan bayaran-bayaran yuran yang minimum untuk perkhidmatan asuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha Kementerian Pendidikan untuk menjadikan rakyat Malaysia sebagai manusia yang mahir dalam berbagai bahasa di samping kita mempertingkatkan dan mendaulatkan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi utama. Penggunaan Bahasa Inggeris dalam bidang-bidang tertentu di peringkat pendidikan tinggi adalah wajar kerana efisiensi dan keuniversalan bahasa itu sebagai bahasa ilmunan sudah pun dimantapkan. Kelonggaran bagi menggunakan bahasa Inggeris di peringkat ini akan membolehkan pendidikan tinggi diperkembangkan serta memungkinkan menjadikan Malaysia sebagai pusat pelajaran tinggi serantau dan di arena antarabangsa (global). Untuk visi ini kita hendaklah berusaha mempertingkatkan lagi mutu pendidikan supaya boleh bersaing dengan mana-mana negara dan institusi-institusi ternama.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang mutu pendidikan, saya berasa bimbang mengenai usaha hendak memendekkan jangka masa kursus-kursus tertentu. Dalam bidang Pharmacology, misalnya, mengurangkan jangka masa belajar di peringkat ijazah boleh menjejaskan mutu latihan kerana bidang ini perlu latihan dan pendedahan yang luas yang semakin mencabar. Begitu juga bagi bidang perubatan, kejuruteraan dan sains amalan.

Walau apa jua pindaan dibuat kepada kurikulum latihan, kita hendaklah mengambil kira agar pengiktirafan ijazah keluaran institusi kita dengan badan-badan yang teragung tidak terjejas. Usaha mempertingkatkan mutu pendidikan tidaklah terbatas kepada peringkat pendidikan tinggi sahaja. Kita mestilah juga tumpukan perhatian kita kepada beberapa perkara yang kurang memuaskan bagi pendidikan di peringkat sekolah rendah dan menengah umpamanya perlukah kita mengamalkan sistem dua sesi secara berterusan? Tidakkah kita menganiayai kanak-kanak dengan memaksa mereka mula bersekolah di sebelah tengah hari sedangkan bilik darjah sempit, cuaca panas dan rasa tubuh badan dan akal fikiran mulai lesu.

Bangunan sekolah perlu diperiksa. Adakah bilik-bilik darjah selesa? Bolehkah dipasang alat-alat canggih seperti komputer dan alat-alat membantu pembelajaran? Pada masa ini, wiring di bilik ala kadar sahaja. Malah ada bilik darjah yang tiada punca elektrik pun. Bangku-bangku sekolah juga ada yang robek-robek, hinguk-bengkok. Laci-laci atau locker yang berkunci jarang didapati. Tidak hairanlah mengapa kanak-kanak perlu memikul beg seberat 5 kilo lebih setiap hari. Kalau ada kenderaan mewah dan orang gaji tolong mengangkut beg-beg seperti di K.L. dan Petaling Jaya senanglah tetapi kebanyakan murid-murid bukanlah anak-anak orang berada belaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memang prihatin tentang perbelanjaan sekolah kanak-kanak yang kian meningkat. Walaupun negara kita mengamalkan free universal primary education, dengan izin, tidakkah boleh

uniform sekolah dan buku-buku teks diberi atau dipinjamkan secara percuma? Dalam visi saya, saya ingin juga melihat program makanan sekolah yang bermutu. Semua pelajar diberi sarapan yang seimbang dan mencukupi dan murid-murid mendapat pelajaran dalam suasana yang memberangsangkan dalam sistem persekolahan waktu panjang - satu sesi dan kurikulum yang komprehensif dari segi akademik, sains dan teknologi, latihan amali, ko-kurikulum, pendidikan jasmani dan rohani, dengan izin, a quality lifestyle education.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas usaha yang diambil bagi mempertingkatkan pendidikan moral dan pendidikan hidup berkeluarga di peringkat sekolah. Namun demikian, memandangkan bahawa pada masa ini kita sedang menghadapi gejala belia belasan tahun yang mengandung tanpa nikah, dilanda wabak penyakit AIDS dan jangkitan AIDS dan berbagai penyakit STD (sexually transmitted disease). Kita hendaklah menimbangkan perlunya diperkenalkan sex education untuk muda-mudi.

Tuan Yang di-Pertua, sex education bukanlah semata-mata mengenai bagaimana hendak melakukan seks tetapi adalah meliputi berbagai-bagai aspek perhubungan antara manusia, tanggungjawab berkeluarga, keibubapaan, kesihatan mengenai reproduksi manusia dan bagaimana hendak mengawasi berbagai-bagai penyakit STD.

Ilmu pengetahuan adalah penting dalam memupuk kesedaran dan bagi mencegah sesuatu yang tidak diingini. Oleh yang demikian, kita hendaklah

memberi kemudahan dan peluang untuk muda-mudi memperolehi ilmu pengetahuan ini secara yang teratur dan berkesan, tidak melalui video-video seks atau buku-buku lucah. Half a knowledge is no knowledge and half a knowledge is dangerous knowledge, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kesihatan awam di Malaysia adalah di antara yang terbaik di rantau ini. Malah lebih luas lagi misalnya kadar kematian ibu mengandung telah dapat dikurangkan. Dalam perkara rawatan dan kesihatan, hubungan doktor dan pesakit adalah mustahak. Penglibatan third party tidaklah seharusnya terlibat. Syor kerajaan bagi mengadakan HMO (Health Management Officer), dengan izin, dalam sistem perubatan Malaysia ada berbagai-bagai kelemahan dan perkara yang tidak sihat.

Pelaksanaan hendaklah dikaji dengan lebih teliti dengan mengambil hirau pandangan persatuan perubatan, para doktor, profesional dan pesakit. Perbekalan perkhidmatan dan kemudahan kesihatan janganlah dilihat dari segi kos dan keuntungan syarikat sahaja. Kita hendaklah berusaha mewujudkan sistem perkhidmatan kesihatan nasional yang adil dan saksama, wajar dan berkesan. Kita janganlah meniru mana-mana negara. Ada ramai orang kata HMO sangat berjaya di negara Amerika. Betulkan pada hari ini di negara Amerika berapa ramai rakyat Amerika yang tidak dapat rawatan kesihatan? Sistem Malaysia kita sendiri mestilah yang terbaik dan boleh dicontohi oleh negara lain. Jangan kita ikut negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, belia pada hari ini adalah harapan bangsa untuk masa depan. Mereka hendaklah diberi peluang untuk berkembang maju dan subur pada tahap optimum, baik dari segi intelek, jasmani, rohani, sosial dan akhlak. Mestilah ada berbagai-bagai kemudahan untuk kegunaan mereka untuk mencapai hasrat ini. Selain dari berkunjung ke kompleks-kompleks membeli-belah dan sebagainya, kita mesti ada lebih banyak lagi kemudahan rekreasi belia di kawasan-kawasan perumahan, tempat-tempat awam dan di sekolah-sekolah.

Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membanyakkan kemudahan-kemudahan ini di kawasan-kawasan pembangunan baru. Saya juga tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk membanyakkan kemudahan rekreasi di pusat-pusat membeli-belah. Walaupun cadangan-cadangan ini baik, mendapat response sewajarnya dari pihak-pihak berkenaan, tidaklah begitu mudah.

Saya ingin mencadangkan supaya kedua-dua kementerian terbabit menyerahkan response ini dengan teliti dan mengambil langkah bagi memastikan ke pengetahuan pihak berkenaan mengenai cadangan ini. Malaysia bertuah kerana mempunyai pemimpin yang berwawasan, penduduk yang hidup berharmoni dan ekonomi yang kian maju. Kita telah dapat mengeneipkan perbalahan demi mencapai kemajuan dan keamanan.

Kini kita sedang berusaha untuk membina satu masyarakat akrab dan masyarakat penyayang. Kita juga sedang berwaspada agar kemajuan ekonomi dan pencapaian kebendaan tidak membawa kepada keruntuhan akhlak dan perpecahan institusi keluarga. Kita sentiasa mengenakan perseimbangan di antara kemewahan, kebendaan dan nilai-nilai mulia dan peri kemanusiaan. Syarat-syarat ini jika berterusan akan membawa kita ke tahap kemajuan yang lebih cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua,

Wanita bersidang mencari keadilan;

Di Beijing tempat kita berkumpul;

Wawasan Malaysia bak pelita keamanan;

Iltizam kita mempertahankan nilai yang unggul.

Sekian, terima kasih.

**Tuan Ding Seling:** Dijemput Datuk Johan Ghani.

**6.20 ptg.**

**Datuk Johan B.O.T. Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan Selamat Hari Jadi kepada Tuan Yang di-Pertua, yang saya difahamkan sebagai mewakili Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini.

*[Tepuk]* Kami doakan Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Ding Seling:** Tuan Yang di-Pertua tidak ada di sini. Saya jaga rumah.

**Datuk Johan B.O.T. Ghani:** Dipanjangkan umur dan dimurahkan rezeki.

**Tuan Ding Seling:** Terima kasih.

**Datuk Johan B.O.T. Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang keemasan yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam sesi perbahasan pada kali ini di dalam Dewan yang mulia ini.

Dengan izin Dewan yang mulia ini, ucapan saya akan menyentuh beberapa perkara, iaitu intipati Belanjawan 1996, prestasi pembangunan di Sabah, perkembangan mutakhir pendidikan negara, masalah kos sara hidup dan inflasi di Sabah dan betapa pentingnya permuafakatan dalam konteks masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi Malaysia yang melebihi purata 8% yang berlanjutan untuk tahun kelapan mencerminkan kecemerlangan dalam mengurus serta meletakkan sektor-sektor utama ekonomi pada suatu kedudukan yang terserlah, stabil, mantap dan berswadaya atau berdaya tahan. Kejayaan ini tidak boleh dinafikan oleh sesiapa. Komitmen kerajaan terserlah dalam setiap ucapan Belanjawan negara. Dalam ucapan Belanjawan Negara tahun 1996, langkah-langkah juga diambil dalam menghadapi dakwaan tidak berasas bahawa ekonomi negara akan mengalami situasi kemelesetan pada bila-bila masa disebabkan overheating.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara yang tumbuh pada kadar 9.6% tahun ini iaitu tahun 1995, melebihi purata 8% memang telah lama diduga

ekoran kebijaksanaan pelbagai langkah efektif yang diusulkan dalam pakej belanjawan lalu. Kejayaan yang berurutan ini bukanlah suatu yang berlaku secara kebetulan, tetapi telah dirancang secara bijaksana, teliti dan teratur.

Dasar penswastaan adalah instrument penting dalam meningkatkan penyertaan pihak swasta sebagai peneraju ekonomi negara. Melalui sokongan padu pihak swasta, adalah tidak diragui bahawa negara akan mengulangi pertumbuhan melebihi purata 8% pada tahun 1996 berasaskan beberapa pengamatan semasa iaitu:

- (i) belum kelihatan lagi tanda-tanda awal mengenai kemelesetan tersebut setakat ini;
- (ii) penurunan kadar inflasi 3.7% kepada 3.4% bagi tempoh 9 bulan pertama, masing-masing bagi tahun 1994 dan tahun 1995 adalah petanda sihat bahawa tekanan inflasi berada dalam kawalan;
- (iii) Belanjawan negara tahun 1996 mengambil kira berbagai langkah positif ke arah mencapai pertumbuhan mampan dan membendung permintaan berlebihan demi mengawal tekanan inflasi; dan akhir sekali
- (iv) pencapaian pertumbuhan ekonomi di Sabah yang lembab sebelum ini memperlihatkan tanda-tanda pemulihan serta peningkatan drastik dan

menggalakkan dianggarkan 7.8% pada tahun 1995 dan 8.3% pada tahun 1996, memberi sumbangan significant dalam konteks pembangunan dana ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan berimbang berteraskan jimat-cermat, tabung berhemat dan adil ini adalah pakej pengurusan kewangan negara yang paling unggul, bijaksana, realistik, jitu dan berkesampaian dalam mencapai pembangunan seutuhnya yang mencakupi pengertian keadilan sosial, kemantapan ilmu, ketinggian akal budi dan akhlak serta memperkasa budaya.

Justeru itu, hasrat murni pemimpin negara untuk merealisasikan transformasi ekonomi menjadikan Malaysia sebuah negara model perindustrian baru serta pusat kecemerlangan perkembangan intelek dan ilmu yang unggul seperti mana diwacanakan di dalam Wawasan 2020. Bukanlah suatu yang mustahil atau di luar jangkauan kerana pelbagai usaha awal yang positif dan bistari telah diberikan penekanan penting di dalam mengurus ekonomi negara.

Keputusan kerajaan untuk menggalakkan pelaburan ber'anticipate'kan model dan berteknologi canggih melalui berbagai insentif dan pelepasan cukai akan mempercepatkan lagi proses pemindahan amalan industri teknologi tinggi, khususnya teknologi bermaklumat angkasa dan penyelidikan sains dan teknologi adalah langkah strategik yang patut disokong.

Pemberian pelbagai insentif tambahan untuk memperkukuhkan keupayaan sektor perkhidmatan, latihan kemahiran dan industri pasaran modal

adalah dialu-alukan dan mampu menjana lebih banyak hasil peluang kepada kerajaan kelak, di samping membantu mempertingkatkan kompetitif lokasi, malahan mempercayai langkah-langkah ini juga boleh membantu dalam melahirkan insan yang berkualiti, patriotis, penyayang, berdaya saing dan berkeperibadian murni.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini mampu menyebarkan sumber dan manfaat yang diusulkan secara lebih meluas, berkesan dan menyeluruh untuk dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia kerana ia mengambil kira kepentingan keseluruhan rakyatnya. Adalah menjadi harapan saya, tawaran bonus tahunan dan penyelarasan gaji berjumlah RM2 bilion bagi 848,000 kakitangan awam akan dibalas balik menerusi peningkatan produktiviti dan mutu kerja berteraskan kecemerlangan dan lestari menerusi aplikasi sistem pengurusan semasa yang efisien dan anti pembaziran. Ini penting dalam mendapatkan keyakinan pelabur secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, melalui insentif pelepasan cukai tambahan dan pemansuhan cukai jualan, peningkatan taraf hidup rakyat yang dimanifestasikan oleh angka pendapatan per kapita negara di tahap RM10,068 adalah semakin terserlah dan bermakna. Peningkatan ini sewajarnya disusuli oleh satu peningkatan nilai kuasa beli sebenar dalam merealisasikan manfaat mutlak yang diinginkan.

Jika situasi sebaliknya berlaku, negara akan berhadapan dengan berbagai masalah baru yang pasti boleh meluaskan jurang keseimbangan wilayah dan

pengagihan yang sedia ada. Kesejahteraan hidup rakyat akan terjejas sekiranya kenaikan harga barang dan tekanan inflasi tidak mampu dibendung pada masa yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik berbagai insentif baru untuk menambah pengeluaran bekalan makanan dan saya ingin mencadangkan agar Kerajaan Pusat mempertimbangkan secara serius untuk menjadikan Sabah salah sebuah kawasan penting bagi maksud ini dalam membantu mempertingkatkan kompetitif lokasi bagi negeri ini dalam.....

**Tuan Ding Seling:** Yang Berhormat Datuk, panjang lagikah? Boleh sambung esok?

**Datuk Johan B.O.T. Ghani:** Ya, boleh.

**Tuan Ding Seling:** Saya ucapkan terima kasih di atas ucapan Hari Jadi tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*

(a)